

قُلْ بِرَوْدَةٍ

PETIKAN TITAH  
“AL-QUR’AN dan As-Sunnah adalah perlombongan yang dicetuskan oleh minda manusia, mungkin sahaja tidak lebih dari setitik air di lautan.” - Titah Sempena Majlis Sambutan Nuzul Al-Qur'an Peringkat Negara Tahun 1429 Hijriah / 2008 Masihi di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas pada 17 Ramadan 1429 / 17 September 2008.



# Pelita BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

مانيس ايمان

MANISNYA IMAN

“SESUNGGUHNYA

Kamilah yang berkuasa mengumpulkan Al-Qu'ran itu dalam dadamu dan menetapkan bacaannya pada lidahmu. Oleh itu, apabila kamu telah menyempurnakan bacaannya kepadamu dengan perantaraan Jibril, maka bacalah menurut bacaan itu. - Surah Al-Qiyaamah ayat 17-18.

TAHUN 55  
BILANGAN 76

1431 19 رمضان  
30 OGOS 2010

Pelita Online Harian :  
<http://www.pelitabrunei.gov.bn>

Emel :  
[pelitabrunei@information.gov.bn](mailto:pelitabrunei@information.gov.bn)

Hotline : 2383941  
Faksimile : 2381004

EDISI ISNIN  
PERCUMA



## بُولَنْ دِمْضَانْ فَتْحَ بَكَتْ

### Bulan Ramadan Penuh Berkat

#### Segera tunaikan zakat

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 29 September. - Umat Islam di negara ini dinasihatkan agar jangan lupa dan lalai mengerjakan Rukun Islam yang keempat iaitu mengeluarkan zakat di kala menuju ke ambang Hari Raya Aidilfitri yang akan datang kurang dua minggu sahaja lagi.

Sebagai orang Islam yang ada kemampuan dan mampu membayar zakat fitrah adalah diwajibkan mengeluarkan zakat fitrah bagi diri sendiri dan keluarga yang di bawah tanggungan.

Kewajipan mengeluarkan zakat fitrah ini adalah bagi melengkapkan ibadat puasa kita agar diterima oleh Allah Subhanahu Wata'ala di samping boleh memainkan peranan dalam memberi kesedaran kepada umat Islam sebagai penghubung yang memecahkan jurang perbezaan di antara golongan kaya dan miskin.

Umat Islam diwajibkan menunaikan zakat fitrah iaitu dengan mengeluarkan sebahagian harta atau bahan makanan yang utama menurut ketentuan dan ukuran yang ditentukan oleh syarak.

Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) telah mengeluarkan kadar zakat fitrah bagi setiap seorang Islam di negara ini iaitu dua kilo 268 gram atau dengan nilai wang BND2.84 bagi beras Wangi dan BND1.93 bagi beras Siam.

Galeri Seni Lukis dibuka setiap hujung minggu di Kompleks YSHHB  
**MENGETENGHKAN HASIL  
PELUKIS TEMPATAN**

Oleh : Jaafar Ibrahim

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 29 Ogos. - Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul Azim ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berkenan berangkat menyaksikan Pelancaran Galeri Seni Lukis Artis Muda Brunei di ibu negara di sini hari ini.

Menurut siaran akbar Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Galeri Seni Lukis Artis Muda Brunei yang dianjurkan oleh Kementerian berkenaan dengan kerjasama YSHHB, Brunei Art Forum dan Gene-

ration Kelima Artis (G5) bertujuan mendedahkan keberadaan artis-artis tempatan yang muda dan veteran serta mengetengahkan lukisan-lukisan tempatan yang realitinya bermutu tinggi.

Pelancaran galeri seni lukis di kompleks membeli belah di ibu negara, Bandar Seri Begawan bertujuan menjadikan Kompleks YSHHB terkenal sebagai venue Pusat Seni Lukis seperti yang terdapat di Bayswater Road, di kota London, Barcelona Art Street di Sepanyol dan Central Market di Kuala Lumpur, Malaysia yang mana para artis tempatan dapat memamerkan dan memasarkan hasil seni masing-masing.

Ke Muka 24

**MENDEDAHKAN keberadaan  
artis-artis tempatan yang muda dan  
veteran serta mengetengahkan  
lukisan-lukisan tempatan yang  
realitinya bermutu tinggi.**



Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul Azim ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ketika mencuba bakat yang Teramat Mulia dalam menghasilkan kreativiti lukisan di atas kanvas. - Foto : Ihsan The Borneo Bulletin.



YANG Teramat Mulia berkenan menyaksikan hasil-hasil seni pelukis-pelukis muda dan veteran yang dipamerkan di Kompleks YSHHB. - Foto : Ihsan The Borneo Bulletin.

## Graduan memperolehi Kelas Pertama meningkat

Oleh : Siti Zuraiyah Awang  
Sulaiman

JERUDONG, Rabu, 25 Ogos. - Kejayaan yang telah dicapai oleh para graduan yang mendapat biasiswa kerajaan ke luar negeri merupakan hasil daripada usaha gigih, iltizam dan kesungguhan mereka dalam mengikuti pengajian masing-masing.

Daripada segi kualiti pula,

duan yang mendapat kejayaan dengan cemerlang iaitu: Kelas Pertama (*Ist Class*) pada tahun ini juga bertambah dan meningkat berbanding pada tahun-tahun sebelumnya.

Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong menyatakan perkara tersebut pada Majlis Doa Kesyukuran Bagi Pelajar-pelajar Biasiswa Kerajaan Ke Luar Negeri

yang telah Menamatkan Pengajian mereka pada Tahun 2010 berlangsung di Royal Brunei Polo and Riding Club.

Menurut Yang Berhormat, ia merupakan satu hakikat bahawa pelajar-pelajar atau para graduan daripada Negara Brunei Darussalam ini mampu bersaing dengan pelajar-pelajar lain dan mampu untuk mencapai kejayaan.

Ke Muka 24

# Usahakan perkara kompleks dengan segera

Bismillahir Rahmani Rahim Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

TERLEBIH dahulu saya ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Jawatankuasa Majlis Penyelenggara Hari Pelanggan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) yang mengundang saya untuk menjadi tetamu kehormat bagi merasmikan Hari Pelanggan dan merasmikan Pameran Paparan Objektif Strategik KHEU pada pagi ini.

Saya amat menghargai inisiatif ini yang setentunya akan meningkatkan lagi imej KHEU dalam negara. Inisiatif ini juga bermakna kita ingin menarik perhatian masyarakat dan menjemput orang ramai datang ke kementerian ini bagi melihat perkembangannya dan memahami aktivitinya seterusnya menyokong usaha-usaha kementerian ini yang peranan utamanya ialah untuk menyebarkan ajaran Islam dan dakwah Islamiah di negara ini.

Dengan adanya Hari Pelanggan ini menunjukkan bahawa KHEU adalah sebuah kementerian yang *mesra masyarakat* dan *mesra pelanggan*. Ia akan menjadi satu wadah dua hala di mana orang ramai akan mendapat maklumat tentang adanya aktiviti yang dijalankan oleh kementerian, sementara pihak kementerian pula diharapkan akan mendapat maklum balas atau *feedback* dari orang ramai tentang prestasi kementerian dan apa yang diinginkan oleh orang ramai supaya kementerian ini dapat lagi meningkatkan kualiti perkhidmatannya di masa hadapan dengan lebih berkesan.

Saya difahamkan bahawa tema Hari Pelanggan ini ialah *Iltizam Dalam Perkhidmatan*. Iltizam di sini bermakna memberi tumpuan kepada pentadbiran dan pengurusan



**UCAPAN** Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman di Majlis Pelancaran Hari Pelanggan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), pada Hari Sabtu, 19 Syaaban 1431 Hijriah bersamaan 31 Julai 2010 Masihi bertempat di KHEU, Jalan Menteri Besar, Bandar Seri Begawan.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menerusi kementerian kita ini di mana anggotanya bekerja dengan penuh dedikasi, prihatin dan disertai dengan semangat keberanian dan azam yang kuat sehingga berjaya mencapai hasrat negara. Penekanan di sini ialah supaya para pegawai dan kakitangan di kementerian ini akan dapat memberikan apa jua bentuk perkhidmatan yang diperlukan dengan penuh komitmen, bukannya sambil lewa atau melepaskan batuk di tangga.

Sebagaimana yang dimaklumi KHEU baru-baru ini telah melancarkan Buku Perancangan Strategik 2010-2014 yang mana buku ini adalah bagi memperkenalkan strategi baru dan utama serta hala tuju dan fokus KHEU untuk jangka masa lima tahun ke hadapan dalam usaha untuk mencapai wawasan

negara 2035. Buku ini diharap akan dapat menjadi panduan dan rujukan atas warga kerja kementerian ini dalam mengenal pasti objektif dan matlamat jangka pendek, jangka sederhana dan jangka panjang kementerian.

Dengan adanya lapan objektif strategik yang akan dipamerkan dalam pameran pada pagi ini rasanya kita akan mampu mengisi keperluan kehidupan beragama di kalangan rakyat di negara ini. Untuk merealisasikan objektif tersebut, kita hanya akan berjaya dengan baik jika kita memberikan perhatian yang besar kepada kehendak pelanggan.

Keupayaan organisasi menghasilkan keluaran dan perkhidmatan yang berkualiti amat bergantung kepada kecekapan proses kerja. Ini bermakna usaha-usaha yang berterusan, terancang dan sistematis harus diambil bagi memastikan keluaran dan perkhidmatan kementerian ini meneati standard-standard kualiti yang dikehendaki oleh pelanggan. Bagi tujuan ini, struktur pengurusan kualiti yang terdapat di kementerian ini seperti Jawatankuasa Pembaharuhan Perkhidmatan Awam peringkat kementerian dan jabatan, pasukan-pasukan petugas dan Kumpulan Kerja Cemerlang hendaklah digerakkan sepenuhnya untuk melaksanakan penambahbaikan

secara berterusan dengan menggunakan model-model yang bersesuaian dan dengan mengambil kira dasar-dasar, peraturan-peraturan yang ditetapkan seperti di dalam GO, FR, surat-surat keliling serta amalan-amalan baik yang diguna pakai.

Sehubungan itu, saya suka-cita ingin menasihatkan para pegawai di kementerian ini supaya berlapang dada dan membuka minda seluas-luasnya dalam menerima puji-pujian mahupun kritikan-kritikan. Jika pujian yang diberikan itu ikhlas dan sememangnya kita berada di landasan yang betul, alhamdulillah mungkin pujian itu boleh dijadikan sukat-sukat dan perangsang untuk terus menjalankan aktiviti yang lebih baik di masa hadapan, namun kita juga harus bersedia untuk menerima kritikan yang membina bagi kebaikan bersama, kerana hal ehwal ugama ini perlu didukung oleh semua pihak dalam negara jika kita mahu ajaran Islam itu bersinar gemilang dan berprestasi cemerlang dalam negara ini.

Memandangkan kementerian kita berfokus kepada ajaran Islam, maka sewajarnyalah kita lebih peka kepada etika kerja Islam yang murni dan luhur. Oleh itu dalam kesempatan ini saya juga ingin mewasihatkan dan menarik perhatian seluruh warga kementerian ini supaya akan peka kepada beberapa perkara, antaranya ia-

i. Peka kepada TPOR (Tekad Pemedulian Orang Ramai) yang mana dalam lamanya kita telah berjanji kepada orang ramai untuk memberikan perkhidmatan yang cemerlang sebagaimana yang telah termaktub dalam TPOR tersebut.

Kita perlu memahami dan memenuhi janji-janji tersebut, janganlah janji-janji tersebut hanya indah dalam buku sahaja.

ii. Memandangkan kita sebuah institusi agama yang terbesar dan dihormati, maka kita perlu menjaga pandangan baik dan ekspektasi tinggi masyarakat itu, dengan mempunyai keterampilan yang *Islamik* dan *kemelayuan* dari segi pakaian yang memenuhi tuntutan syarak dan adat resam Melayu, bukan pakaian yang menjuluk mata, baik semasa bertugas mahupun di luar masa bertugas, kerana kita akan menjadi contoh ikut yang terbaik.

iii. Dari Segi akhlak dan

budi bahasa, pegawai dan kakitangan KHEU, sewajarnya mengamalkan akhlak Islam yang tinggi, berbudi bahasa dalam melayani tetamu yang datang, dengan wajah yang manis ceria dan tidak sekali-kali menghamburkan kata-kata kasar dan kesat, jelasnya bersikap *friendly* dan mudah mesra, itulah yang akan mengangkat imej kementerian kita.

iv. Peka kepada kebersihan institusi di mana kita bertugas, begitu juga dengan keindahan alam sekitar (*environment*) dengan landskap kehijauan dan bunga-bunga. Faktor ini selalunya menimbulkan anggapan baik atau buruk. Sebelum orang ramai memasuki sesbuah institusi, mereka telah membuat anggapan positif atau negatif hanya berdasarkan penglihatan sepihak lalu dari segi kebersihan dan alam sekitar tersebut.

Dalam pada itu, kita juga perlu sentiasa mengamati-amati apa jua titah-titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang mana di antaranya ialah baginda menitahkan supaya semua perkara yang lemah kompleks pula hendaklah diusahakan seberapa boleh untuk dipermudahkan prosesnya serta mana-mana kelembapan di dalam proses perlaksanaan hendaklah dikaji dan diatasi secepatnya.

Pada akhirnya saya berdoa dan berharap, majlis Hari Pelanggan yang kita lancarkan hari ini akan benar-benar menimbulkan kesedaran dan keinsafan dalam diri kita untuk memperbaiki apa jua kekurangan yang ada pada kita, dan seterusnya untuk memperkuuh dan mengexploitasi apa jua kekuatan dan potensi yang ada pada kita sehingga kita berjaya menyumbangkan perkhidmatan yang cemerlang untuk kementerian yang kita sayangi, agama, negara dan raja yang kita kasih.

Akhirnya, dengan mengucapkan kalimah:

Saya dengan sukacita-nya melancarkan Hari Pelanggan KHEU 1431H dan berdoa akan berjaya mencapai objektifnya.

Sekian, Wabillah Taufeq Walhidayah, Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

دُغْنَ نَامَ اللَّهُ بِعْثَمَهَا  
قُمُورَهُ دَانَ مَهَا قَبَاعِيَّهَا

Dari Sidang Pengarang

30 OGOS 2010 BERSAMAAN 1431 رمضان 19

## AL-QUR'AN – SULUH, PERBENDAHARAAN DAN PENYELAMAT

**S**EMPENA Majlis Sambutan Nuzul Al-Qur'an Peringkat Kebangsaan, pada, 27 Ogos 2010, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah menekankan bahawa Al-Qur'an adalah suluh, perbendaharaan dan penyelamat kita semua sama ada di dunia maupun di Akhirat. Sememang Al-Qur'an adalah penyuluh bagi segala kegelapan, di mana kehidupan manusia sebelumnya begitu gelap gelita, namun setelah kitab Allah itu diturunkan pola kehidupan semakin terang benderang dan kini bersinar-sinar. Begitu juga Al-Qur'an penuh dengan sejuta perbendaharaan yang tidak ada tolak banding sehingga sekarang. Perbendaharaan penuh dengan pelbagai makna dan pengertian yang cukup hebat dan yang terpenting Al-Qur'an menjadi penyelamat semua umat manusia di dunia dan juga Akhirat. Tegasnya Al-Qur'an adalah kepada 'mukjizat' yang bersifat hebat dan tidak dapat dicabar dan dikalahkan oleh mana-mana kita yang lain.

Al-Qur'an menjadi cahaya yang menerangi semua jalan dan bentuk kehidupan. Al-Qur'an menjadi petunjuk dan peta jalan serta hala tuju yang diredaya oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Tanpa kita yang maha suci tentu saja kita tidak akan memperolehi cahaya yang terang benderang. Ternyata Al-Qur'an suatu rahmat dan nikmat yang tidak terhingga yang mengandungi banyak pedoman pengajaran dan petunjuk ke jalan yang diredaya oleh Allah Ta'ala. Ia menjadi bukti betapa kasihnya Allah terhadap para hamba dengan membekalkan pedoman yang luhur dan luar biasa. Luar biasa ialah tentang mukjizat yang dikurniakan Allah kepada para Nabi dan Rasul. Sementara Al-Qur'an adalah kurnia Allah kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

"Al-Qur'an sebagai suluh kerana ia mengandungi segala pedoman dan peraturan di mana semuanya datang daripada Allah Subhanahu Wata'ala, bukan daripada siapa-siapa. Al-Qur'an juga adalah perbendaharaan, kerana ia adalah santapan rohani, ubat dan rahmat serta sumber rezeki berupa pahala dan siapa yang membaca Al-Qur'an akan memperolehi semua ini tanpa diragukan," titat baginda.

Sebagai seorang pemimpin baginda sering menitik beratkan pelajaran dan pembacaan Al-Qur'an di semua peringkat. Baginda mahukan agar rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam yang beragama Islam pandai membaca Al-Qur'an. Tidak ada yang terkecuali, semuanya mesti pandai kerana ianya merupakan kewajipan. Jika semua rakyat pandai membaca Al-Qur'an, negara tetap sahaja akan terus dikurniakan rezeki yang banyak dan berterusan, keselamatan negara akan sentiasa terjamin dengan adanya mereka yang sentiasa membaca Al-Qur'an dan dipenuhi dengan zikir kepada Allah. Jika ini dapat dicapai kewujudan sebuah 'Negara Zikir' seperti yang baginda idam-idamkan yang mana bumi Darussalam ini akan sentiasa dipenuhi dengan zikir dan 'Ar-Rahman'. Inilah sebenarnya impian raja kita yang menginginkan sebuah 'Negara Zikir'.

Kitab Allah itu adalah perisai yang sangat ampuh dalam menolak segala bentuk kejahanatan syaitan dan hawa nafsu, di samping sebagai pengilup lara bagi jiwa yang rungsing dan sentiasa dihinggapi hati-hati yang keras. Nyatalah Al-Qur'an dan As-Sunnah pelembagaan daripada Allah, sementara pelembagaan yang dicetuskan oleh minda manusia mungkin sahaja tidak lebih daripada setitik air di laut yang mudah cair dan diresap oleh pelbagai organisme. Tetapi dengan kita mengamalkan Al-Qur'an, nescaya rahmat dan rezeki akan terus melimpah ruah, negara akan terus aman dan tenteram serta kehidupan kita penuh dengan keberkatan.

Kita sebagai umat Islam amatlah beruntung kerana mempunyai dan memiliki Al-Qur'an. Dengan memiliki Al-Qur'an serta menghayatinya bersungguh-sungguh, kehidupan kita di bumi bertuah ini semakin bahagia, aman dan tenteram, keselamatan terus terjamin dan kesejahteraan terus kita nikmati. Maka melihat akan keberuntungan sedemikian, maka adalah perlu bagi Negara Brunei Darussalam terus meningkat di bidang Al-Qur'an dan jangan sekali-kali berhenti daripada memperkaya diri dengan kitab Allah itu. Perkembangan itu bukan setakat dijadikan pertandingan tetapi yang lebih penting ialah pembelajaran Al-Qur'an di sekolah-sekolah dan pusat-pusat pengajian tinggi mesti terus dikuatkan. Kita garap bumi Darussalam sebagai 'Negara Zikir' dengan kekuatan Al-Qur'an biar ianya akan menjadi nadi dan pasak dalam kehidupan kita supaya terjelmah satu sejarah besar untuk negara bangsa.

Maka di penghujung bulan Ramadan marilah kita bangunkan malam-malam tersebut dengan suara-suara merdu bacaan Al-Qur'an, berzikir kepada Allah Subhanahu Wata'ala bagi kita meperolehi rahmat kerana di dalamnya terkandung Malam 'Lailatulqadar', malam yang lebih baik daripada seribu bulan. Maka janganlah kita lepaskan peluang keemasan ini yang hanya datang setahun sekali.

– KETUA BAHAGIAN PELITA BRUNEI.

### Pemberitaan/Rencana

Zabaidah Haji Salat  
Dk. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor,  
Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omarallie,  
Hezlinawati Haji Abd. Karim,  
Bolhassan Haji Abu Bakar,  
Ak. Jefferi Pg. Durahman,  
Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad,  
Abdullah Asgar,  
Abu Bakar Haji Abdul Rahman,  
Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad,  
Siti Zuraiyah Awang Sulaiman,  
Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim,  
Haniza Abdul Latif, Shari Haji Garib,  
Aryenty Haji Ariffin,  
Nurhidayah Haji Kamis

### Sidang Pengarang

#### Ketua Penyuntingan

Dr. Muhammad Hadi Muhammad Melayong,  
Haji Jaafar Haji Ibrahim

#### Penyemakan

Haji Besar Haji Mamit,  
Yahya Haji Putra,  
Atikah Mohd. Asyraf,  
Hajah Sujimawati Mejari,  
Nurul Hazwani Abu Omar,  
Siti Faizahansah Awang Mahani,  
Siti Noorzaimah Haji Noorali,  
Nur Hidayati Haji Haris,  
Siti Nadieya Haji Rahime,  
Ak. Muhd Khairul Anuar Pg. Badaruddin

#### Penyuntingan

Haji Ahat Haji Ismail, Sahari Akim,  
Siti Muslihat Haji Salleh, Aliddin Haji Moktal

#### Penterjemahan

Hajah Musmariani Haji Mohammad,  
Hafizatul Atikah Abdullah

#### Pereka Letak

Mohammad Ike Igrami Haji Suhaimi, Muhammad Hamdanajib Haji Domeng,  
Hajah Raini Haji Bidin, Dk. Sahraini Pg. Haji Ismail, Siti Rahmah Haji Abd.  
Hamid, Rosnah Jaludin, Jorrani Haji Zainal, Rudiana Mohd. Salleh,  
Md. Alisman Ismail, Muhd. Zaidani Haji Zinin, Mohammad Izzuddin Jeffree

# Berusaha menjadi qari, qariah berstatus profesional

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 25 Ogos. - Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman menasihatkan supaya qari dan qariah akan berusaha untuk menjadi qari dan qariah yang berstatus profesional.

Menurut Yang Berhormat, maksud profesional itu ialah adanya kemahiran, ketahanan (*sustainable*) dan kualiti yang menyakinkan dalam bidang tilawah Al-Qur'an.

Yang Berhormat menyatakan demikian di Majlis Kesukuran dan Penyampaian Skim Penggalak Kecemerlangan Membaca Al-Qur'an bagi Qariah Negara Brunei Darussalam yang berjaya meraih Naib Johan di Tilawah Al-Qur'an Peringkat Antarabangsa Ke-52 bagi Tahun, 1431 Hijrah berlangsung di Kuala Lumpur, Malaysia, Dayang Nurfaezah binti Haji Emran.

Jelas Yang Berhormat, inilah juga salah satu cara untuk mengangkat nama Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah *Negara Zikir* kerana Al-Qur'an itu adalah ibu segala zikir.

"Apa yang kita sedihkan ialah sesetengah qari atau qariah setelah merangkul sesuatu kemenangan itu, mulai secara perlahan-perlahan menghilang tidak lagi begitu kedengaran namanya dalam masyarakat," ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat menambah, sedangkan apa yang kita inginkan ialah namanya sentiasa harum dan berkumandang dalam masyarakat.

"Bagi saya orang seperti inilah qari dan qariah tilawati Al-Qur'an yang tulen dan sejati dan yang diinginkan oleh masyarakat pencinta Al-Qur'an dan negara," kata Yang Berhormat.

Untuk mencapai kejayaan cemerlang tambah Yang Berhor-

mat, seorang qari atau qariah itu perlu berusaha mendalam dan banyak berguru kepada tokoh-tokoh yang berkcaliber di dalam dan luar negara, daripada semasa ke semasa akan ilmu tilawah Al-Qur'an itu misalnya daripada segi mempertingkatkan kemahiran tajwidnya, mempertingkat daya kefasihan sebutan huruf-huruf dan kalimah-kalimah Arabnya, mempertingkatkan kemahiran variasi lagu-lagunya, memelihara kemerduan suaranya, menjaga pernafasan dan sebagainya.

Dalam hal ini jelas Yang Berhormat, seorang qari atau qariah yang profesional itu pada lazimnya akan bersedia untuk tampil ke hadapan khalayak masyarakat bagi mempersembahkan tilawati Al-Qur'an yang terbaik dan berkualiti.

Di samping itu jelas Yang Berhormat, sudah tentu seorang qari dan qariah itu perlu memiliki sifat-sifat yang mulia dan dihormati, menjaga sahsiah diri dan tidak mudah terpengaruh dengan perkara-perkara yang negatif, dengan mengambil

contoh kepada akhlak Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam iaitu: *Akhlaq Al-Qur'an*.

Sejauh ini ujar Yang Berhormat, usaha gigih Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dengan kerjasama lain-lain kementerian di negara ini sejak beberapa dekad yang lalu bagi menjana perkembangan tilawah Al-Qur'an boleh dikatakan berbaloi, buktinya kita telah berjaya melahirkan beberapa qari dan qariah tilawati Al-Qur'an di peringkat antarabangsa.

Yang Berhormat berkata, dengan pencapaian yang sedemikian itu menyebabkan negara kita walau pun kecil dan penduduknya 'sekubit', tetapi turut disegani dan dihormati.

"Pencapaian ini sesuai dan kita sebagai negara Islam dan menjadikan ajaran Islam itu sebagai satu cara hidup yang lengkap terpancar menerusi Al-Qur'an," tegas Yang Berhormat.



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman ketika berucap di Majlis Kesukuran dan Penyampaian Skim Penggalak Kecemerlangan Membaca Al-Qur'an. - Foto : Azmah Haji Ahad

**APA yang kita sedihkan ialah sesetengah qari atau qariah setelah merangkul sesuatu kemenangan itu, mulai secara perlahan-perlahan menghilang tidak lagi begitu kedengaran namanya dalam masyarakat**

- Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman.

## Dayang Nurfaezah menerima Skim Penggalak Kecemerlangan Membaca Al-Qur'an

Oleh :  
Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim



**QARIAH Negara Brunei Darussalam yang berjaya meraih naib johan di Tilawah Al-Qur'an Peringkat Antarabangsa Ke-52 bagi Tahun, 1431 Hijrah berlangsung di Kuala Lumpur, Malaysia, Dayang Nurfaezah binti Haji Emran.** - Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 25 Ogos. - Qariah Negara Brunei Darussalam yang berjaya meraih Naib Johan di Tilawah Al-Qur'an Peringkat Antarabangsa Ke-52 bagi Tahun, 1431 Hijrah berlangsung di Kuala Lumpur, Malaysia, Dayang Nurfaezah binti Haji Emran.

Hadir selaku tetamu kehormat di Majlis Kesukuran dan Penyampaian Skim Penggalak Kecemerlangan Membaca Al-Qur'an yang berlangsung di Dewan Persidangan Akbar, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas itu ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman.

Juga hadir, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar, Setiausaha Tetap, Timbalan Setiausaha Tetap, Hakim Mahkamah Tinggi Syariah, Pengarah-pengarah, Penolong-penolong Pengarah, pegawai-pejawai dan kakitangan

KHEU.

Pada majlis itu, Menteri Hal Ehwal Ugama juga menyempurnakan penyampaian Skim Penggalak Kecemerlangan Membaca Al-Qur'an kepada penerima skim tersebut.

Majlis juga diserikan dengan persembahan bacaan ayat-ayat suci Al-Qur'an oleh Dayang Nurfaezah binti Haji Emran.

Atur cara majlis tersebut juga dilanjutkan dengan Majlis Berbuka Puasa dan Sembahyang Fardhu Magrib Berjemaah.

Dayang Nurfaezah mengharumkan nama negara ini setelah berjaya meraih naib johan pada pertandingan tersebut dengan memperolehi markah 90.17 peratus.

Skim Penggalak Kecemerlangan Membaca Al-Qur'an adalah sebagai dorongan kepada qari dan qariah yang berjaya dalam Musabaqah Tilawah Al-Qur'an peringkat antarabangsa di luar negara.

Ia juga sebagai pembakar sema-

ngat qari dan qariah negara ini khasnya dan golongan belia untuk terus mempertingkatkan lagi mutu bacaan Al-Qur'an mereka di masa akan datang.

## Berazam tingkatkan mutu bacaan, perbaiki kelemahan

Oleh :  
Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

nei Darussalam di atas Skim Penggalak Kecemerlangan Membaca Al-Qur'an yang diberikan kepada saya," katanya.

Dayang Nurfaezah menyatakan demikian semasa ditemui bual oleh wakil PELITA BRUNEI pada Majlis Kesukuran dan Penyampaian Skim Penggalak Kecemerlangan Membaca Al-Qur'an, di Dewan Persidangan Akbar, Pusat Persidangan Antarabangsa, di sini.

Qariah berusia 27 tahun itu menjelaskan, cabaran-cabarannya yang ditempuhi dalam pertandingan tersebut ialah mempertingkatkan lagi mutu bacaan dan memperbaiki segala kelemahan.

"Alhamdulillah, saya sangat bersyukur kepada Allah Subhanahu Wa-Ta'ala kerana berjaya diumumkan sebagai naib johan di pertandingan tersebut dan saya ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di atas Skim Penggalak Kecemerlangan Membaca Al-Qur'an yang diberikan kepada saya," katanya.

Katanya orang yang tidak diampuni dosanya menjelang malam Hari Raya ialah: Orang yang menderhaka kepada orang tua dan orang yang syirik (syirik dengan perkataan, syirik dengan *iktiqad*, iaitu: syirik di dalam hati dan syirik dengan amalan).

Dalam ceramahnya, Awang Haji Ismuadi juga mengingatkan bahawa orang-orang yang beruntung setelah perginya bulan Ramadan adalah mereka yang mendapat pengampunan daripada Allah Subhanahu Wa-Ta'ala.

Ceramah sempena Bulan Ramadan anjuran Bahagian Perhubungan Awam dan Penyelidikan, Jabatan Daerah Temburong itu antara lain bertujuan untuk memotivasi para pegawai dan kakitangan Jabatan Daerah Temburong.

Ceramah sempena Bulan Ramadan anjuran Bahagian Perhubungan Awam dan Penyelidikan, Jabatan Daerah Temburong itu antara lain bertujuan untuk memotivasi para pegawai dan kakitangan di jabatan berkenaan selain menanamkan sifat dan memelihara adab-adab dalam pekerjaan semasa bulan Ramadan.

## Tingkatkan amal ibadah di bulan Ramadan

Oleh : Hezlinawati Haji Abd. Karim



Penceramah daripada Unit Da'wah Daerah Temburong, Awang Haji Ismuadi bin Haji Abdullah semasa menyampaikan ceramah sempena Bulan Ramadan. -Foto : Nurhidayah Haji Kamis

TEMBURONG, Rabu, 25 Ogos. - Umat Islam dituntut memperbanyakkan membaca Al-Qur'an di sepanjang Bulan Ramadan, di samping merebut peluang di bulan penuh keampunan ini dengan meningkatkan amal ibadah.

Penceramah Unit Da'wah Daerah Temburong, Awang Haji Ismuadi bin Haji Abdullah menyatakan demikian semasa menyampaikan ce-

ramah sempena Bulan Ramadan, berlangsung di Dewan Muafakat, Jabatan-jabatan Kerajaan Daerah Temburong.

Allah Subhanahu Wa-Ta'ala jelaskan memberikan satu malam yang istimewa kepada umat Nabi Muhammad di bulan Ramadan ini iaitu: Malam Lailatulqadar, satu malam yang lebih baik daripada seribu bulan.

Dalam ceramahnya ber-

tajuk 'Amalan-amalan Sesama Memunaikan Ibadat Puasa', Awang Haji Ismuadi menjelaskan barang siapa yang dapat beramal pada malam itu akan mendapat ganjaran pahala seolah-olah beramal selama seribu bulan.

Oleh itu katanya, umat Islam digalakkan mencari malam Lailatulqadar itu pada malam sepuluh terakhir Ramadan dengan meningkatkan amalan pada malam-malam tersebut.

Beliau menjelaskan,

Malaikat akan masuk ke setiap rumah umat Islam pada malam Lailatulqadar, melainkan rumah mereka yang memelihara anjing dan mempunyai patung serta rumah orang yang berdengki dan berdendam.

Dalam ceramahnya, Awang Haji Ismuadi juga mengingatkan bahawa orang-orang yang beruntung setelah perginya bulan Ramadan adalah mereka yang mendapat pengampunan daripada Allah Subhanahu Wa-



PENGARAH Pembangunan Masyarakat, Dayang Hajah Misnah binti Haji Bolhassan menerima sumbangan alat pencetak komputer daripada Pengarah Urusan Syarikat Universal Technologies (SUST), berlangsung di Bilik Attaqwa, Tingkat 3, Jabatan Pembangunan Masyarakat, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. - Foto : Ramli Tengah.

## Pameran Pendidikan Belajar di United Kingdom

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 24 Ogos. - Pameran Pendidikan Belajar di United Kingdom (UK), 2010 adalah dihadarkan bagi membantu penuntut lepasan sekolah serta kakitangan dalam perkhidmatan membuat pilihan bagi melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi.

Sebanyak 16 buah universiti dan institusi pengajian tinggi menyertai pameran yang berlangsung di Hotel Antara bangsa Rizqun, Gadong adalah bagi menyediakan platform bagi kemudahan membuat pilihan dan mengetahui pasti kursus-kur-

Oleh : Bolhassan Haji Abu Bakar

sus bersesuaian yang ditawarkan oleh pelbagai universiti di UK.

Ini merupakan kesempatan untuk bersemuka dengan kakitangan universiti-universiti terbabit mengenai kursus-kursus yang ditawarkan, kos sara hidup, yuran, penjagaan kesihatan dan sebagainya.

Semasa pameran itu diadakan, beberapa ceramah kerjaya juga diadakan, di samping ceramah mengenai prosedur permohonan dan yang berkaitan dengan keperlu-

an-keperluan mahasiswa universiti dan PhD.

Pameran itu turut disertai oleh para perwakilan daripada beberapa buah agensi lain termasuklah daripada Majlis Kebangsaan Pengiktirafan Kelulusan dan Bahagian Visa Suruhanjaya Tinggi British.

Dengan adanya pameran pendidikan seumpama itu para pelajar boleh menilai prospek-prospek kerjaya selepas menamatkan pengajian mereka nanti.



ANTARA penuntut-penuntut yang berminat mendaftar secara online di Pameran Pendidikan Belajar di United Kingdom (UK) bagi menerima informasi yang kemas kini daripada universiti yang mereka kehendaki. - Foto : Hernie Suliana Haji Othman.

## Insan istimewa Pusat Ehsan diraikan berbuka puasa

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 23 Ogos. - Arthini Cafe and Catering Sendirian Berhad, Restoran Nasi Kandar Penang, Kampung Bunut mengajurkan Majlis Berbuka Puasa bagi kumpulan terakhir seramai 35 orang orang insan-insan istimewa termasuk guru-guru dan kakitangan daripada Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam.

Ini merupakan kumpulan yang ketiga diundang bagi majlis ini setelah kumpulan pertama yang telah diadakan pada 14 Ogos lepas, manakala kumpulan kedua pula diadakan pada 19 Ogos lalu.

Juga hadir di majlis ini ialah Pemegang Amanah

Oleh : Siti Zuraiyah Awang Sulaiman

Dasar dan Perancangan Pusat Ehsan, Awang Haji Ahmad bin Haji Abdul Rahman.

Majlis Berbuka Puasa adalah merupakan sebuah aktiviti amal restoran tersebut dan pada tahun ini ianya adalah kali keempat diadakan khusus bagi kanak-kanak istimewa Pusat Ehsan.

Sempena Bulan Ramadhan dan tahun ini, restoran ini menyediakan bufet untuk berbuka puasa dengan lebih daripada 30 jenis hidangan merangkumi masakan-masakan istimewa daripada Malaysia antaranya nasi beriani, kambing

masala, ayam goreng ACC, mee goreng mamak, nasi lemak Perak, roti, sup, kuih-muih serta buah-buahan sebagai pencuci mulut.

Harga bufet berbuka puasa bagi orang dewasa adalah BND10 seorang manakala BND8 bagi kanak-kanak berumur di antara 5 hingga 12 tahun.

Pada bulan Ramadhan ini, restoran tersebut beroperasi daripada pukul 9.00 pagi hingga 2.00 pagi setiap hari sehingga waktu sahur, manakala waktu bagi bufet berbuka puasa adalah dari pukul 6.00 petang sehingga 9.30 malam setiap hari pada bulan ini.

## SUST sumbangkan 170 alat pencetak komputer kepada JAPEM

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 24 Ogos. - Bagi membantu kanak-kanak yang mengikuti program kebajikan di Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), Syarikat Universal System Technologies (SUST) menyumbangkan sebanyak 170 buah alat pencetak komputer kepada JAPEM.

Pemangku Pengarah Pembangunan Masyarakat, Dayang Hajah Misnah binti Haji Bolhassan menerima sumbangan tersebut daripada Pengarah Urusan, SUST, Howard Dii di Majlis Penyampaian Sumbangan Alat Pencetak Komputer berlangsung di Bilik Attaqwa, Tingkat 3, Jabatan Pembangunan Masyarakat, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Sementara itu, Pengarah Urusan SUST dalam ucapan alu-aluan ber kata dengan adanya sumbangan tersebut ia akan

dapat memberikan kanak-kanak kemudahan yang bersesuaian untuk pendidikan mereka.

Menurutnya, kemahiran teknologi maklumat (ICT) adalah satu keperluan dalam masyarakat hari ini dan SUST percaya sumbangan itu akan dapat memberikan faedah kepada kanak-kanak berkenaan bagi menambahkan ilmu mereka dalam bidang komputer.

## Rakan BMR pupuk kesedaran gejala rasuah

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 25 Ogos. - Strategi Perancangan Biro Mencegah Rasuah (BMR) 2010-2014, Pendidikan dan Perhubungan di antara masyarakat umum adalah salah satu langkah bagi membanteras rasuah.

Timbalan Pengarah BMR, Awang Haji Abdul Raub bin Haji Md. Yassin berucap demikian di Majlis Berbuka Puasa Biro Mencegah Rasuah serta Rakan BMR yang berlangsung di PGS Cafè, Kiulap, di sini.

Beliau berharap dengan adanya penglibatan Rakan BMR dalam memupuk kesedaran mengenai gejala rasuah dan cara-cara Pencegahannya, ia akan dapat menambahkan lagi kepercayaan orang



MAJLIS Berbuka Puasa Biro Mencegah Rasuah (BMR) serta Rakan BMR disemarakkan lagi dengan Majlis Bertahlil. Turut hadir ialah Timbalan Pengarah BMR, Haji Abdul Raub bin Haji Md. Yassin (kiri). - Foto : Hernie Suliana Haji Othman.

ramai terhadap BMR dalam usahanya membanteras gejala berkanaan.

Di samping itu, secara tidak langsung tambahan akan meningkatkan lagi kerjasama dan hubungan baik yang telah sedia wujud di antara BMR dan orang ramai.

Seramai 128 pegawai

dan kakitangan BMR serta rakan BMR yang terdiri daripada para pegawai dan kakitangan kerajaan, pihak media, ahli-ahli persatuan, mahasiswa dan mahasiswi, belia dan orang ramai.

Majlis kemudiannya diselanjurkan dengan bacaan tahlil dan seterusnya menikmati juadah ber-

buka puasa.

Majlis seumpama itu merupakan satu perjumpaan BMR dan rakannya selain usahanya membanteras gejala rasuah di negara ini serta mengambil keberkatan sempena di bulan Ramadan yang mulia ini.



KELIHATAN kegembiraan jelas terpancar di wajah insan-insan Istimewa ini yang ditemani oleh keluarga mereka ketika menikmati juadah berbuka puasa yang dianjurkan oleh Arthini Cafe and Catering Sendirian Berhad, Restoran Nasi Kandar Penang, Kampung Bunut. - Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah.

# Majlis-majlis bertadarus terus diadakan di seluruh negara

Oleh: Hezlinawati Haji Abd. Karim, Ak. Jefferi Pg. Durahman, Aryenty Haji Ariffin Foto : Nurhidayah Haji Kamis, Hernie Suliana Haji Othman

**S**ETIAP umat Islam sememangnya berlumba-lumba meningkatkan amalan di sepanjang bulan Ramadan dengan mengadakan Majlis Bertadarus seperti yang dianjurkan oleh agama. Di sepanjang bulan Ramadhan ini masjid-masjid, surau-surau dan balai-balai ibadat terus disemarakkan dengan amalan membaca Al-Qur'an.

Pada hari Sabtu, 21 Ogos yang lalu, Kementerian Pendidikan mengadakan Majlis Bertadarus di Masjid Rancangan Perumahan Negara (RPN), Kampung Rataie, di Daerah Temburong. Majlis yang penuh keberkatan itu diketuai oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong.

Majlis tersebut juga dilanjutkan dengan membaca tahlil dan doa arwah serta penyerahan wakaf berupa barang elektronik oleh Yang Berhormat kepada imam masjid berkenaan, Awang Haji Said Ahmad bin Ali Ahmad.

Rombongan daripada Kementerian Pendidikan itu juga dilanjutkan dengan berbuka puasa di masjid berkenaan dan seterusnya menuai Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah.

Juga hadir Timbalan Menteri, di JPM, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abd. Wahab bin Juned hadir selaku tetamu kehormat di majlis tersebut.

Juga hadir, Timbalan Setiausaha Tetap JPM, Juruaudit Agung, pegawai-pegawai kanan, pegawai dan kakitangan JPM dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Pada majlis itu, Timbalan Menteri JPM juga mengelak bertadarus dan disusuli oleh pegawai-pegawai JPM dan jabatan-jabatan di bawahnya serta Ahli-ahli Jawatankuasa Persatuan Saudara-saudara Baru Daerah Tutong bertempat di Dewan PESATU Tutong.

Juga hadir di majlis itu, Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Seri Setia Awang Haji Yusoff bin Haji Ismail; Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Dato Paduka Awang Haji Mohd. Daud bin Haji Mahmud dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap di kementerian berkenaan.

Majlis yang dikendalikan oleh Jabatan Perkembangan Kurikulum bersemesta bulan Ramadan 1431H/2010M itu menyemarakkan lagi bulan yang penuh keampunan ini, di samping dapat mengeratkan lagi perpaduan di kalangan pegawai dan kakitangan yang beragama Islam di kementerian berkenaan.

Sementara itu, pada Khamis, 19 Ogos, tidak ketinggalan juga di Surau Hospital Pengiran Isteri Hajjah Mariam (PIHM), Temburong, turut serta menyemarakkan bulan mulia ini dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Qur'an atau bertadarus oleh rombongan daripada Kementerian Kesihatan, diketuai oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof.

Juga hadir Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Dato Paduka Awang Haji Abd. Salam bin Abd. Momin serta para pegawai

Tetamu kehormat di majlis itu, Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap di kementerian berkenaan, Awang Haji Ismail bin Haji Abd. Manap.

Majlis tersebut dimulakan dengan bacaan Surah Al Faatihah, dipimpin oleh Imam Masjid berkenaan, Awang Haji Kamarulzaman bin Kamis.

Majlis juga dilanjutkan dengan bacaan tafsir Al-Qur'an oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Awang Md. Hanafi bin Haji Zaini dan diteruskan dengan bacaan tahlil dan doa arwah.

Di majlis itu, Awang Haji Ismail juga menyempurnakan penyampaian wakaf berupa water jet

dari padan berkenaan dan kakitangan Hospital PIHM.

Majlis juga dilanjutkan dengan membaca tahlil dan doa arwah serta berbuka puasa dan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah.

Amalan bertadarus memang sangat mulia di mana bukan hanya orang yang membaca Al-Qur'an itu mendapat pahala bahkan orang yang mendengarnya juga akan diberikan ganjaran pahalanya oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Pada hari Isnin, 23 Ogos, Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan jabatan-jabatan di bawahnya meneruskan lagi siri Majlis Bertadarus di Masjid Kampung Perpindahan Mata-Mata, Gadong.

Timbalan Menteri, di JPM, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abd. Wahab bin Juned hadir selaku tetamu kehormat di majlis tersebut.

Juga hadir, Timbalan Setiausaha Tetap JPM, Juruaudit Agung, pegawai-pegawai kanan, pegawai dan kakitangan JPM dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Pada majlis itu, Timbalan Menteri JPM juga mengelak bertadarus dan disusuli oleh pegawai-pegawai JPM dan jabatan-jabatan di bawahnya serta Ahli-ahli Jawatankuasa Persatuan Saudara-saudara Baru Daerah Tutong bertempat di Dewan PESATU Tutong.



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong semasa mengetuai bacaan Majlis Bertadarus yang diadakan di Masjid Rancangan Perumahan Negara (RPN), Kampung Rataie, Daerah Temburong.



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof semasa menghadiri Majlis Bertadarus yang berlangsung di Surau Hospital Pengiran Isteri Hajjah Mariam (PIHM), Daerah Temburong.



TIMBALAN Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abd. Wahab bin Juned (tengah) selaku tuan rumah bagi acara Majlis Bertadarus JPM bertempat di Masjid Kampung Perpindahan Mata-Mata, Gadong.

Rombongan tersebut diketuai oleh Ketua Bahagian Pengislaman dan Pemeliharaan Muallaf, PDI, Awang Abdul Aziz bin Haji Abdul Kahar.

Majlis ini merupakan projek tahunan Unit Da'wah Khas dan Pembangunan Muallaf, Bahagian Pengislaman dan Pemeliharaan Saudara-saudara Baru, PDI.

Salah satu objektif majlis ini ialah bagi sama-sama menghidupkan dan menyemarakkan bulan Ramadhan bersama dengan saudara-saudara baru, di samping sama-sama menghayati bacaan ayat-ayat suci Al-Qur'an melalui Majlis Tadarus

yang diadakan.

PDI berharap majlis seumpama ini akan dapat meningkatkan lagi penghayatan Islam di kalangan saudara-saudara baru dan sedikit sebanyak memberi pendekatan kepada saudara-saudara baru meraih faidat di bulan yang mulia ini.

Sebelum ini PDI, KHEU telah mengadakan rombongan bertadarus bersama-sama saudara-saudara baru bertempat di Rumah Kegiatan Agama Kampung Bebuloh.

Rombongan PDI bertadarus bersama saudara-saudara baru akan diteruskan lagi ke daerah-daerah lain di negara ini.



ANTARA mereka yang hadir di Majlis Bertadarus yang berlangsung di Masjid RPN, Kampung Rataie, Daerah Temburong.

# Merokok tabiat buruk boleh mengakibatkan kematian

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim  
Foto : Mohd. Shahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 21 Ogos. - Merokok adalah suatu kebiasaan yang diterima secara meluas dalam masyarakat kita, sehingga kadang kala ia dipandang sebagai satu norma yang membanggakan.

Perkara tersebut dijelaskan oleh Timbalan Pengarah II, Jabatan Belia dan Sukan (JBS), Awang Haji Muhd. Zamri bin Dato Paduka Haji Hamdani ketika berkata dalam kata aluanunya selaku tetamu kehormat di Taklimat Bahaya Merokok, berlangsung di Dewan Citra Budaya, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Beliau menambah, anggapan palsu itu terhasil apabila golongan yang mudah terpedaya dengan budaya asing, terutamanya yang dipaparkan melalui Media Massa, ingin pula

bergaya demi mencapai status kecanggihan serta keunggulan yang kononnya dikaitkan dengan merokok.

"Malah tabiat suka meniru dan menyeleweng daripada jalan yang benar adalah sesuatu yang kian menguasai kaum Muslimin di zaman ini," katanya.

Selain itu, beliau juga menyentuh mengenai merokok atau bersigur adalah tabiat yang buruk selain ia juga boleh mengakibatkan punca kematian.

Menurut pandangan Islam katanya, hukum merokok dari segi syarak adalah haram.

Perbuatan merokok tambarinya, adalah perbuatan yang sia-sia dan ianya bukan sahaja mendatangkan bahaya kepada orang yang merokok itu malah melibatkan orang lain kerana

terdedah kepada asap rokok yang boleh mendatangkan pelbagai risiko dan kesan negatif kepada kesihatan.

"Di samping menjepaskan kesihatan, rokok juga penyebab pembaziran wang kerana orang yang merokok akan sanggup membelanjakan wang semata-mata untuk kepuasan merokok," ujar beliau.

Daripada segi sukan pula jelasnya, atlet yang mengamalkan merokok sudah setentunya akan merasa kesan yang buruk, tidak akan memberi apa-apa makna kepada mereka sekali pun ianya melakukan program latihan yang tersusun dan sistematis.

Sementara itu, taklimat bahaya merokok disampaikan oleh wakil daripada Kementerian Kesihatan, Pegawai Perubatan, Klinik Berhenti Merokok, Dr. Dayang Ermina Nasdzarinah binti Haji Abdul Rani dan Staff Nurse, Pusat Promosi Kesihatan, Dayangku Nurzafifah binti Pengiran

**"MALAH tabiat suka meniru dan menyeleweng daripada jalan yang benar adalah sesuatu yang kian menguasai kaum Muslimin di zaman ini."**

- Timbalan Pengarah II,  
Jabatan Belia dan Sukan (JBS),  
Awang Haji Muhamd. Zamri bin  
Dato Paduka Haji Hamdani.

Asmadi.

Taklimat antara lain menyentuh mengenai bahaya merokok, di mana kesannya merupakan salah satu punca utama kematian di Negara Brunei Darussalam selain daripada penyakit jantung, kanser, kencing manis, penyakit *Cerebrovascular's Stroke* dan *Influenza* dan *Penumania*.

Selain itu, taklimat juga menyentuh mengenai isi kandungan sebatang rokok yang mengandungi lebih 4,000 jenis bahan kimia, 400 jenis bahan kerosen, 60 jenis bahan yang me-

nyebabkan penyakit serius dan kanser serta satu jenis dadah yang menagihkan iaitu Nikotin.

Lebih 50 orang pegawai dan kakitangan JBS menghadiri taklimat tersebut sebagai usaha daripada JBS untuk memberikan pengetahuan yang berguna mengenai bahaya merokok.

Taklimat itu antara lain bertujuan untuk meningkatkan kefahaman kepada pegawai dan kakitangan JBS tentang bahaya rokok dan tembakau pada diri dan orang di sekeliling dan daripada segi pembaziran kewangan.



"DI SAMPING menjepaskan kesihatan, rokok juga penyebab pembaziran wang kerana orang yang merokok akan sanggup membelanjakan wang semata-mata untuk kepuasan merokok."

- Timbalan Pengarah II,  
Jabatan Belia dan Sukan (JBS).



**TAKLIMAT** antara lain menyentuh mengenai bahaya merokok, di mana kesannya merupakan salah satu punca utama kematian di Negara Brunei Darussalam selain daripada penyakit jantung, kanser, kencing manis, penyakit 'Cerebrovascular's Stroke' dan Influenza dan Penumania. - Pegawai Perubatan, Klinik Berhenti Merokok, Dr. Dayang Ermina Nasdzarinah binti Haji Abdul Rani.

## Rasuah bertentangan dengan ajaran agama dan moral



PEMANGKU Pengarah Belia dan Sukan, Pengiran Sabri bin Pengiran Haji Mohammad ketika hadir selaku tetamu kehormat di Taklimat Mencegah Rasuah bagi pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Belia dan Sukan berlangsung di Dewan Citra Budaya, bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Oleh : Abu Bakar Haji Abdul Rahman  
Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 17 Ogos. - Rasuah mempunyai pengertian yang cukup kompleks dan *historical* daripada segi jenisnya yang tidak hanya terbatas sebagaimana definisi yang biasa digunakan oleh masyarakat umum iaitu pembeiran berupa wang, hadiah atau sebagainya kepada seseorang dengan tujuan untuk mendapatkan sesuatu pulangan atau habuan untuk kepentingan peribadi atau kelompok dengan mudah.

Rasuah jauh lebih kom-

pleks daripada definisi tersebut kerana ia turut merangkumi aspek motif dan hubungan *interpersonal*, strategi dan wawasan, perundungan serta keagamaan.

Pegawai Pentadbir Tingkat Khas, di Jabatan Belia dan Sukan (JBS), Pengiran Mohd. Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud menyatakan perkara tersebut pada Taklimat Mencegah Rasuah bagi pegawai-pe-

Belia dan Sukan.

Katanya semua orang mengakui bahawa rasuah adalah satu amalan salah, keji dan jenayah kerana ia bertentangan dengan ajaran agama dan moral.

Tegasnya, perkara ini terbukti daripada beberapa contoh yang nyata dengan runtuhnya banyak empayar dan memusnahkan banyak bangsa dan tamadun.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis Pemangku Pengarah Belia dan Sukan, Pengiran Sabri bin Pengiran Haji Mohammad.

Taklimat Mengenai Rasuah disampaikan oleh Pemangku Penolong Pengarah selaku Ketua Bahagian

Kerajaan Brunei Darussalam

DAN PENGHAYATANNYA

Acara ini bertujuan untuk memberi maklumat dan

TAKLIMAT yang disampaikan daripada wakil Jabatan Biro Mencegah Rasuah, Awang Haji Abd. Nasir bin Dagang.



## Banyakkan amalan sunat di bulan Ramadan

Oleh : Bolhassan Haji Abu Bakar

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 21 Ogos. - Terdapat banyak amalan sunat yang digalakkan untuk dilakukan dalam bulan Ramadan, antaranya Sembahyang Tarawih, bersedekah dan membaca Al-Qur'an.

Perkara itu disentuh dalam ceramah bertajuk 'Mendekatkan Diri Kepada Allah Di Bulan Ramadan' yang disampaikan oleh Pegawai Ugama, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPUSB), Awang Haji Noralizam bin Haji Aliakbar berlangsung di Dewan Serbaguna, Jame' Asr Hassanal Bolkiah di sini.



SEBAHAGIAN keluarga yang memerlukan ketika menerima derma daripada pihak pengajur yang menganjurkan majlis ceramah tersebut. - Foto : Masri Osman.

Ceramah agama yang diselenggarakan bersama oleh Persatuan Suara Harapan Rangkaian Belia Menentang Kemiskinan, *Darussalam Holding's*, Kumpulan Muslimim 'Prihatin' dan Jame' Asr Hassanal Bolkiah itu bertujuan bagi menyemarakkan lagi kedatangan bulan Ramadan *Al-Mubarak*.

Majlis tersebut diselanjurkan dengan penyampaian derma kepada seramai 15 orang ketua keluarga yang kurang berkemampuan sebagai persiapan mereka menyambut bulan Syawal yang akan menjelang tiba tidak lama lagi.

# Penemuan-penemuan arkeologi di Brunei Darussalam

Oleh : Rogayah Haji Abdullah

beberapa alat yang lain.

Menurut Matussin Omar, di kawasan Kota Batu ini juga dijumpai struktur batu-batu bersusun yang merupakan tembak (*causeway*). Tembak ini bermula daripada kawasan-kawasan tinggi di Kota Batu dan menuju ke tebing sungai berhadapan dengan sebuah pulau kecil yang bernama Pulau Trindak. Di kawasan tinggi ini dipercayai istana Sultan Brunei didirikan walaupun tapak sebenar masih belum dijumpai. Pulau Trindak dipercayai sebagai sebuah pulau yang dibuat oleh manusia dan pulau ini dihubungkan dengan Kota Batu melalui sebuah jambatan kayu. Pulau ini berfungsi untuk menambat perahu serta mengawasi kapal-kapal yang keluar masuk di perairan Sungai Brunei. Antara sultan yang dimakamkan di Kota Batu ialah Sultan Sharif Ali dan Sultan Bolkiah. Menurut Matussin Omar dan Dato' P. M. Shariffuddin, dengan penemuan-penemuan artifak arkeologi ini menandakan bahawa Kota Batu adalah ibu kota tertua dan pusat perdagangan yang terpenting di Brunei dan di Borneo pada kurun ke-14 Masihi.

Menurut Matussin Omar, terdapat dua *period* kegiatan arkeologi yang dijalankan di Brunei. *Period* pertama bermula dengan kajian yang dijalankan oleh keluarga Harrisson yang bermula dari tahun 1951 sehingga tahun 1976. Manakala, *period* kedua bermula dari tahun 1976 sehingga sekarang yang dijalankan oleh anak Brunei tempatan sendiri di bawah pengarahan P. M. Shariffuddin, Matussin Omar dan beberapa orang yang lain.

Ada empat bahagian penemuan-penemuan arkeologi yang dapat membantu dalam pengajaran Sejarah Brunei Awal iaitu penemuan prasejarah, zaman sejarah, pengkajian ke atas batu-batu nisan dan penemuan arkeologi dari dasar laut.

Zaman prasejarah meliputi waktu sejak wujudnya manusia di dunia ini dan berakhir apabila bermulanya sejarah bertulis iaitu kurang lebih 3,500 tahun sebelum Masihi apabila rekod-rekod bertulis mula wujud di Timur Dekat.

Alat-alat zaman batu tidak pernah dijumpai di Brunei sejak bermulanya eksplorasi arkeologi pada awal tahun 1950-an walaupun terdapat beberapa biji alat zaman batu ditemui di Sabah dan Sarawak. Tom Harrisson membuat andaian bahawa ketidaaan alat-alat zaman batu di Brunei adalah berpunca daripada tiga perkara. Pertama, ianya berpunca daripada kehidupan mewah dan kaya-raya yang dialami oleh Kesultanan Brunei dan rakyatnya pada zaman sejarah menyebabkan mereka tidak berminat langsung untuk menyimpan artifak peninggalan zaman batu. Kedua, teori *The Barren Land*, iaitu ketiadaan gua batu dan tempat berburu yang sesuai. Ketiga, *The Stone Starvation in Brunei* iaitu kekurangan batu keras untuk membuat alat-alat batu.

Walau bagaimanapun, satu kejutan telah terjadi di akhir tahun 1975 apabila Awang Ahmad Sha'ari, seorang arkeologis Brunei, telah menjumpai satu alat zaman batu yang primitif semasa mengutip serpihan tembikar di Tanjung Batu. Mendengar mengenai penemuan bersejarah ini, tiga biji alat zaman batu koleksi persendirian yang dikutip oleh orang awam telah diserahkan kepada Muzium Brunei dan ini menambahkan lagi koleksi alat zaman batu ini menjadi empat. Dengan penemuan ini, maka terjawablah andaian yang mengatakan bahawa keunikan Brunei mempunyai sejarah dengan ketiadaan prasejarah. Penemuan ini membuktikan bahawa Brunei sememangnya mempunyai prasejarah sendiri sebelum adanya zaman sejarah.

Zaman sejarah pula bermula sejak manusia mencipta tulisan dan menyimpan rekod. Zaman sejarah ini sangat hebat perkembangannya dan jauh lebih maju daripada segi pencapaianannya.

Menurut Hussainmiya, Brunei Darussalam yang sudah pun dikenali sebagai Po'ni pada awal abad ke-10 Masihi dari sumber Cina, sememangnya kaya dengan peninggalan sejarahnya sama ada daripada tulisan lisan, catatan daripada manuskrip tempatan dan asing dan peninggalan artifak yang bersejarah dan daripada beberapa sumber yang lain. Untuk mengukuhkan catatan yang dibuat oleh sejarawan ini, beberapa eksplorasi dan penggalian arkeologi telah pun dibuat sejak awal tahun 1950-an lagi sehingga sekarang. Antara tempat-tempat yang dieksplorasi untuk tujuan penggalian arkeologi adalah Kota Batu, Terusan Kupang, Tanjung Batu, Bintuduh, Mengsalut, Sungai Lumut dan Sungai Labu Temburong. Walau bagaimanapun, peninggalan artifak Brunei banyak ditemui di Kota Batu.

Menurut Dato Seri Utama (Dr.) Haji Awang Muhammad Jamil Al-Sufri, Kota Batu adalah sebuah tempat yang unggul dan terpenting sekali seperti yang tercatat dalam Tarsilah Raja-Raja Brunei di dalam zaman pemerintahan Sultan Sharif Ali. Bagindalah Sultan Brunei Ke-3 yang mengarahkan orang-orang Cina membuat kubu daripada batu untuk mengelakkkan kota ini daripada serangan musuh dan sejak itu, tempat ini terkenal dengan panggilan *Kota Batu*. Kota Batu terletak berdekatan dengan Sungai Brunei dan hanya tiga batu dari Bandar Seri Begawan. Tempat ini mulai digali pada tahun 1952-53 oleh Tuan Harrisson dengan bantuan dari Jabatan Kerja Raya.

Menurut Barbara dan Tom Harrisson, semasa penggalian arkeologi dijalankan di Kota Batu, banyak serpihan tembikar dan porselein yang dipercayai dibuat di zaman Dinasti Ming dan hanya sedikit sahaja serpihan tembikar dan porselein daripada Dinasti Ching. Kebanyakannya serpihan tembikar dan porselein ini berwarna biru dan putih. Antara artifak ceramik buatan Cina ini adalah mangkuk, piring, kotak bertutup, tekoan, pasu dan kendi. Selain daripada bahan artifak ini, bahan-bahan artifak kayu tempatan juga banyak ditemui. Sebanyak 1,578 kepingan kayu ditemui dan sejumlah 75 objek kayu dapat dikenali yang terdiri daripada perkakas rumah, bahagian alat-alat mekanikal untuk menenun kain, alat-alat menangkap ikan, alat-alat mainan seperti gasing, roda dan

sebenar Tuan Pu ialah Pu Zongmin. Isi Pu Zongmin ke Brunei berkemungkinan disebabkan oleh dua perkara iaitu politik dan perdagangan. Pada tahun 1990, Zhung Weiji, seorang arkeologis Cina yang membuat kajian di Brunei, berpendapat bahawa Tuan Pu ada hubungan kekeluargaan dengan Pu Shongeng yang merupakan seorang Muslim dan Pengurus Kastam di Quanzhou. Sumber yang digunakan adalah sebuah manuskrip lama Cina Xi-Shan Za-Zhi yang dikumpul oleh Lin Shaochuan. Tuan Pu dikatakan bekerja sebagai Duta Brunei dan telah meninggal dunia semasa menjalankan tugasnya.

Apa sebenarnya yang dapat dipelajari daripada penemuan batu nisan Tuan Pu ini? Ada tiga andaian yang dapat kita pelajari. Pertama, Tuan Pu adalah seorang Cina Muslim yang meninggal di Brunei pada tahun 1264 Masihi. Pada kurun ke-12 Masihi, adakah Brunei sudah mengadaptasi Islam sebagai agama negara? Kerana dalam Salasilah Raja-Raja Brunei, Sultan Brunei yang pertama, Sultan Muhammad Syah hanya memerintah dari tahun 1363-1403 Masihi. Kedua, adakah Islam di Brunei itu dibawa oleh orang Cina? Sedangkan manuskrip tempatan mengatakan bahawa Islam di Brunei telah dibawa oleh mualigh-mualigh dan pedagang-pe-dagang Islam dari Timur Tengah umpamanya seperti Sultan Sharif Ali, beliau adalah seorang mualigh dari negeri Tarif yang menjadi Sultan Brunei Ke-3 setelah berkahwin dengan Puteri Sultan Ahmad. Bagindalah yang menguatkan syariat Islam semasa zaman pemerintahannya. Ketiga, kalau Kerajaan Cina sudah menghantar wakilnya ke Brunei, bermakna Brunei sudah mempunyai sebuah kerajaan yang mantap dan stabil. Sedangkan pemerintahan Sultan Muhammad pada kurun ke-13 Masihi, Brunei takluk di bawah pemerintahan Kerajaan Majapahit. Jika Islam sudah sampai di Brunei pada tahun Masihi ke-12, besar kemungkinan ada kesilapan dalam kronologi Salasilah Raja-Raja Brunei.

Batu Tarsilah yang ditemui di Kubah Makam Diraja juga tidak kurang pentingnya dalam membantu pengajaran Sejarah Brunei Awal. Batu Tarsilah telah diukir oleh Khatib Haji Abdul Latif yang menjadi sebahagian daripada batu nisan Makam Sultan Jamalul Alam 1. Walaupun banyak nama-nama Sultan Brunei yang tidak tercatat di dalamnya, namun Batu Tarsilah ini sedikit sebanyak dapat memberikan kita maklumat mengenai Sultan-Sultan Brunei dari Sultan Brunei yang pertama iaitu Sultan Muhammad Syah (1363-1492 Masihi) sehingga kepada Sultan Muhammad Ta-juddin (Sultan Ke-19 yang masih memerintah dari tahun 1795-1804 dan 1804-1807).

Penemuan-penemuan arkeologi dari dasar lautan tidak pernah dibuat di Negara Brunei Darussalam sehingga sebuah kapal karam lama ditemui di dalam laut perairan Brunei secara kebetulan oleh Syarikat Elf Petroleum Asia semasa menjalankan kerja-kerja pengukuran bagi pemasangan paip pada tahun 1998. Penemuan ini juga dikenali sebagai *Brunei Shipwreck*. Projek ini dibiayai dan diawasi sepenuhnya oleh Syarikat Elf Petroleum Asia dan dijalankan pada tahun 1998 dengan memakan masa selama dua bulan. Walaupun kapal karam abad ke-15 ini ditemukan tanpa dirancang, namun kajian arkeologi yang menyeluruh tahun 1998 telah menunjukkan bahawa ianya merupakan satu-satunya penemuan mutan bahan-bahan Asia yang terbesar pernah dijumpai di perairan Laut China Selatan. Hampir sejumlah 4,600 biji tembikar jenis biru dan putih yang dipercayai buatan pada zaman Dinasti Ming telah ditemui. Jumlah ke semua artifak yang ditemui adalah 13,500. Dilihat daripada sudut perjalanan maritim ratusan tahun yang silam, penemuan *Brunei Shipwreck* mengimbaskan kembali sejarah zaman kegemilangan Sultan Bolkiah, Sultan Brunei Ke-5. Ianya menunjukkan betapa penting dan kuatnya pengaruh Brunei di rantau ini pada ketika itu. Dengan penemuan arkeologi dari dasar laut ini berperanan sebagai batu loncatan ke arah banyak penemuan pada masa akan datang.

Berdasarkan kepada beberapa penemuan-penemuan arkeologi di Brunei sememangnya dapat membantu dalam pengajaran Sejarah Brunei Awal. Pengajaran arkeologi sedikit sebanyak dapat membantu kesahihan manuskrip yang ditulis oleh sejarawan asing dan tempatan, umpamanya seperti penemuan artifak buatan luar negeri seperti dari Cina menandakan pesatnya aktiviti perdagangan antara Brunei dan Cina. Penemuan artifak tempatan seperti alat permainan, alat menangkap ikan dan peralatan rumah, dapat memberikan pengetahuan mengenai cara kehidupan di awal zaman sejarah. Penemuan batu nisan yang beraneka bentuk, corak dan tulisan juga dapat memberikan kita maklumat yang berguna dalam menterfsir sesuatu peristiwa yang terjadi pada sesuatu zaman itu. Apatah lagi dengan kehadiran alat-alat yang canggih dan ber-teknologi tinggi, sudah setentunya penemuan arkeologi itu dapat membantu dalam mengenal Sejarah Brunei Awal. Contohnya artifak tembikar, batu nisan, bekas bangunan dan sebagainya kerana artifak-artifak ini terdedah kepada kerosakan akibat proses alami seperti hujan, panas mentari dan hakisan serta kerakusan manusia dan beberapa faktor yang lain. Malah dalam mengkaji batu nisan, ada beberapa inskripsi yang tidak dapat dibaca atau dikenal langsung hurufnya. Ada pula batu nisan yang mempunyai petarikan yang bersifat arbitrarji yang cukup mengelirukan seperti tahun Jim dan Zai. Banyak juga batu-batu nisan lama yang tidak mempunyai sebarang inskripsi. Faktor-faktor tersebut sudah setentunya tidak memberikan apa-apa maklumat kepada arkeologis ataupun orang yang mengkjinya. Justeru itu, sebagai seorang ahli arkeologis dan sejarawan yang profesional, mestilah peka dalam mengambil sesuatu maklumat yang berguna untuk menjadi kha-zanah negara buat pengetahuan generasi yang akan datang.

**ADA empat bahagian penemuan-penemuan arkeologi yang dapat membantu dalam pengajaran Sejarah Brunei Awal iaitu penemuan prasejarah, zaman sejarah, pengkajian ke atas batu-batu nisan dan penemuan arkeologi dari dasar laut.**

didatangkan dari luar negeri, batu yang berbentuk buatan luar negeri seperti Aceh, batu yang berbentuk stupa dan sebagainya. Bentuk batu nisan juga dapat memberikan gambaran kepada kita tentang tamadun dan teknologi yang ada pada zaman tersebut seperti seni pahatan *Ayer Mulih* pada makam-makam Diraja Brunei, nisan yang berbentuk bunga *Lotus* yang menggambarkan tiga helai rambut Pendeta Buddha, batu *granite* yang menandakan batu nisan tersebut

Menurut catatan Ahmad Cholid Sodrie dalam Seminar Sejarah Brunei, untuk mengkaji dan mengumpulkan beberapa fakta yang diperolehi daripada batu nisan yang ada di Negara Brunei Darussalam, beberapa penyelidikan arkeologi telah dijalankan sejak tahun 1979. Penyelidikan ini juga membabitkan pakar dari luar negeri seperti Mesir, India, Cina dan beberapa negeri yang lain. Sejauh ini Muzium Brunei telah berhasil mengumpulkan beberapa inskripsi yang diperolehi daripada batu-batu nisan di Kota Batu, Kubur Dagang Jalan Residensi, Perkuburan Kianggeh, Renggas, Tumasek, Kubah Makam Diraja dan di beberapa tempat yang lain.

Pengiran Karim (arkeologis Brunei) mencatatkan bahawa salah satu batu nisan yang terkenal dan bermakna di Brunei adalah batu nisan yang bertulis Cina yang terdapat di perkuburan orang-orang Islam di Renggas. Pelbagai spekulasi telah dibuat mengenai kehadiran batu nisan tersebut. Mengikut keterangan daripada Dato Seri Utama (Dr.) Haji Awang Muhammad Jamil Al-Sufri, batu nisan tersebut pada asalnya terletak di Kota Batu. Pada tahun 1930-an, apabila Pehin Kapitan Ong Boon Pang memerlukan batu untuk membuat rumah kedai di Bandar Brunei, banyak batu-batu daripada Kota Batu telah diambil dan dijual kepada beliau. Antara batu-batu tersebut adalah batu nisan Tuan Pu. Batu nisan ini kemudian dibeli oleh seorang lelaki dari Kampung Sungai Kedayan untuk nisan salah seorang ahli keluarganya.

Batu nisan Tuan Pu mulai menjadi perhatian pada tahun 1972 apabila Wolfgang Frankie, P. M. Shariffuddin dan Awang Abdul Latif membuat penyelidikan di Tanah Perkuburan Renggas. Kemudian pada tahun 1973, Frankie dan Chen mengkaji batu nisan lama yang bersejarah. Transkripsi batu nisan tersebut adalah '*Kubur Pán Yuan, Tuan P'u dari Quanzhou dari Empayar Sung. Dibina dalam (tahun) Chia-Tzu Ching oleh anak-anak lelakinya Ying Chia*'. Tuan Pu meninggal dunia pada tahun 1264 Masihi. Pertarikhannya tahun 1264 Masihi, pada batu nisan tersebut merupakan pertarikhannya Cina yang terawal sekali dijumpai di Asia Tenggara.

Siapa sebenarnya Tuan Pu ini masih menjadi tanda tanya disebabkan keterhadapan inskripsi yang ada pada batu nisan tersebut. Mengikut Pengiran Karim (arkeologis Brunei), nama



DUTA Besar Republik Islam Iran ke negara ini, Tuan Yang Terutama Mohammad Reza Havaseli Astiani ketika menyampaikan sumbangan derma kepada anak-anak yatim dari Kampung Kiarong dan kawasan persekitarannya.

## Pengiran Idris menerima bantuan membina rumah



PEGAWAI Daerah Brunei dan Muara, Awang Haji Jamain bin Momin semasa menuangkan simen pada tiang seri rumah. - Foto : Abdul Kadir Md. Tahir.

Oleh : Bolhassan Haji Abu Bakar

BANDAR SERI BEGAWAN. - Pihak swasta di negara ini terus tampil berganding bahu dengan pihak kerajaan dalam menghulurkan sumbangan kepada orang-orang yang memerlukan bantuan khususnya mereka yang daif.

Menyedari tanggungjawab memeduli masyarakat yang benar-benar memerlukan bantuan tempat tinggal yang selesa bukan hanya dipikul oleh agensi-agensi kerajaan maka sebanyak 15 buah firma swasta tampil menghulurkan sumbangan bagi membina rumah baru, Pengiran Idris bin Pengiran Omar di Simpang 22, Kampung Lambak Kanan, Mukim Berakas 'A'.

**MENYEDARI tanggungjawab memeduli masyarakat yang benar-benar memerlukan bantuan tempat tinggal yang selesa bukan hanya dipikul oleh agensi-agensi kerajaan maka sebanyak 15 buah firma swasta tampil menghulurkan sumbangan bagi membina rumah baru, Pengiran Idris bin Pengiran Omar di Simpang 22, Kampung Lambak Kanan, Mukim Berakas 'A'.**

Brunei dan Muara, Awang Haji Jamain bin Momin pada 9 Ogos lalu.

Pembinaan rumah yang menelan belanja kira-kira BND29,000 itu disumbangkan sepenuhnya oleh pihak swasta yang diketuai oleh Stanley Lim Hoock dari *Borneo United Enterprise Sendirian Berhad* dan rakan-rakan, manakala perbelanjaan bagi penyambungan api elektrik dan pemasangan meter air disumbangkan melalui *Tabung Amal Jabatan Daerah Brunei dan Muara*.

Majlis Pelancaran Mendirikan Tiang Rumah Bantuan jenis banglo yang mempunyai dua buah bilik tidur, satu ruang tamu, satu tandas, satu bilik mandi dan satu ruang dapur bagi Pengiran Idris disempurnakan oleh Pegawai Daerah

Pengiran Idris, 51, pekerja buruh di Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) dengan gaji BND21.80 sehari menara isteri berusia 37 tahun seorang suri rumah sepuh masa dan seorang anak yang masih bersekolah.

Anak beliau mengidap penyakit kekurangan darah putih dan sering kali menerima rawatan di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha.

Pada masa ini beliau serta keluarga tinggal di sebuah rumah kepunyaan mertuanya yang dalam keadaan begitu daif dan usang serta tidak selamat untuk didiami.

## Kedutaan Republik Islam Iran raikan anak-anak yatim

Oleh :  
Wan Mohamad  
Sahran Wan Ahmadi  
Foto :  
Mohd. Zul-Izzi  
Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 23 Ogos. - Duta Besar Republik Islam Iran ke negara ini, Tuan Yang Terutama Mohammad Reza Havaseli Astiani mengadakan Majlis Berbuka Puasa Bersama Anak-anak Yatim yang diadakan di kediamannya, Kampung Kiarong, di sini.

Tuan Yang Terutama juga sama-sama berbuka bersama mereka dan seterusnya menyampaikan sumbangan derma kepada 50 orang anak yatim dari Kampung Kiarong dan kawasan persekitarannya.



SEBAHAGIAN dari anak-anak yatim dari Kampung Kiarong dan kawasan persekitarannya semasa menikmati juadah di Majlis Berbuka Puasa yang dianjurkan oleh Duta Besar Republik Islam Iran ke negara ini.

Dengan adanya acara sedemikian, ia menunjukkan sikap keperihatinan dalam meringankan lagi beban para anak yatim yang hilang tempat ber-gantung dalam sama-sama menyambut Aidilfitri menjelang tiba, di samping dapat lagi menjalin-

kan ikatan persaudaraan sesama Muslim serta ganjaran pahala di bulan Ramadan yang Mubarak ini.

## Jabatan Penerangan sumbang keperluan menjelang Hari Raya

Oleh:  
Hezlinawati Haji  
Abd. Karim  
Foto :  
Mohd. Shahrizal  
Haji Said

TEMBURONG, Isnin, 23 Ogos. - Jabatan Penerangan terus mengorak langkah mendekati masyarakat dan memperkuatkan tali persaudaraan sesama ummah tanpa mengira waktu, di mana pendekatan juga dibuat semasa bulan Ramadan ini.

Serombongan pegawai dan kakitangan dari Jabatan Penerangan mengadakan Majlis Bersahur di rumah seorang ibu tunggal Dayang Saadiah binti Haji Kula, di Kampung Labu Estate, di sini.

Majlis yang diadakan semasa Program Ramadan Penerangan 1431H itu diketuai oleh Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Awang Azman bin Haji Abdul Rahim.

Majlis juga diselanjurkan dengan penyerahan sumbangan berupa barang keperluan harian dan keperluan menjelang Hari Raya juga kepada Dayang Saadiah sekeluarga, disampaikan oleh Awang Azman.

Dengan adanya program seumpamanya diharap akan dapat meningkatkan silaturahim antara agensi kerajaan dan masyarakat mukim dan kampung.

Melalui program itu juga Jabatan Penerangan berpeluang sama-sama menyemarakkan bulan Ramadan dengan bersedekah dan menyumbangkan sedikit bantuan untuk meringankan bebanan kepada keluarga kurang berkemampuan.



ROMBONGAN pegawai dan kakitangan dari Jabatan Penerangan yang diketuai oleh Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Awang Azman di Majlis Bersahur di Kampung Labu Estate.



SUMBANGAN berupa barang keperluan harian dan keperluan menjelang Hari Raya kepada Dayang Saadiah binti Haji Kula sekeluarga.

## Mengenali Undang-Undang Syariah ... Mengenali Undang-Undang Syariah

PADA, 27 April 2009, telah melakarkan satu sejarah di mana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan bercemar duli turun bersawahan. Keberangkatan baginda adalah bagi memulakan penanaman padi bagi mencapai hasrat murni baginda untuk meningkatkan penghasilan tanaman khasnya, beras. Dan hasrat baginda itu telah terlaksana dengan keberangkatan sekali lagi. Baginda tersebut duli pada 1 Julai 2009 bagi menuai padi yang baginda telah tanam. Dan kini beras Laila telah pun menjadi simbol kebanggaan negara yang akan dinikmati oleh semua rakyat dan penduduk di negara ini.

Dan sekarang Negara Brunei Darussalam sedang dalam langkah ke arah mencapai sara diri pengeluaran beras yang mana dihasilkan akan mengimbangi pengimportan beras luar negara dan juga dihasilkan untuk mengembalikan sejarah kegemilangan lampau negara pada tahun 1925 yang mana negara pada masa itu telah berjaya menghasilkan 6,000 tan metrik beras berbanding sekarang hanya 900 tan metrik.

Dalam perancangan yang dibuat oleh Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama telah mensasarkan sebanyak 20 peratus sara diri pada tahun 2010 iaitu daripada

3.15 peratus sara diri masa ini bersamaan 982.9 tan metrik setahun kepada kira-kira 5,800 tan metrik setahun. Dan seterusnya pada tahun 2015 ke tahap 60 peratus sara diri iaitu kira-kira 18,000 tan metrik setahun.

Dari jumlah peratus sasaran yang hendak dicapai itu menunjukkan peningkatan yang amat banyak dari jumlah hasil tanaman beras yang akan dihasilkan nanti. Dan sudah pastilah jika pengeluaran hasil beras Laila misalnya dalam jumlah yang banyak dan menepati kehendak dan syarat-syarat wajib pengeluaran hak kepada yang berhak maka pasti beras itu wajib dikeluarkan zakat.

Menunaikan zakat adalah salah satu rukun Islam yang lima. Dan beras adalah salah satu daripada zakat pertanian atau tanam-tanaman yang wajib dikeluarkan zakat. Zakat pertanian bermaksud mengeluarkan sebahagian daripada pendapatan bersih hasil pertanian yang diusahakan oleh orang Islam yang terdiri daripada jenis biji-bijian atau buah-buahan atau mana-mana hasil pertanian yang bermanfaat setelah memenuhi syarat-syarat yang dikenakan zakat.

### Dalil Wajib Mengeluarkan Zakat Pertanian :

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah ayat 267 yang bermaksud:

"Wahai orang yang beriman! Nafkahkanlah (zakat) sebahagian daripada hasil usaha kamu yang baik-baik dan sebahagian daripada apa yang kamu keluarkan dari bumi untuk kamu. Dan janganlah kamu memilih yang buruk-buruk, lalu kamu nafkah (zakat) daripadanya, padahal kamu sendiri tidak mahu menerima melainkan dengan memejamkan mata terhadapnya. Dan ketahuilah bahwa Allah Maha Kaya lagi Maha Terpuji."

Dan firman-Nya lagi dalam surah al-An'am, ayat 141 yang maksudnya :

"Dan Dialah yang menjadikan (untuk kamu) kebun-kebun yang menjalar tanamannya dan yang tidak menjalar dan pohon-pohon tamar (kurma), tanam-tanaman yang berlainan (bentuk, rupa dan) rasanya dan buah zaitun dan buah delima yang bersamaan (warna dan daunnya) dan tidak bersamaan (rasanya). Makanlah dari buahnya ketika ia berbuah dan keluarkanlah haknya (zakatnya) pada hari memekik atau menuai dan janganlah kamu melampau-lampau (pada apa-apaja yang kamu makan atau belanjakan) sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang melampau."

Dan sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam hadis yang diriwayatkan oleh Ibnu Majah dan Tirmizi yang bermaksud:

"Hasil tanaman yang disiram dengan menggunakan air hujan dan mata air atau tanaman yang menyerap air dengan menggunakan akarnya dari perut bumi, zakatnya adalah sebanyak 1/10. Manakala tanaman yang disiram dengan menggunakan pengairan, zakatnya adalah sebanyak 1/20."

Pada dasarnya petani adalah diwajibkan untuk membayar zakat pertanian dengan menggunakan hasil tuaian tanamannya, tetapi sebahagian ulama fiqh membolehkan pembayaran zakat dengan menggunakan nilai harganya iaitu secara mengira jumlah hasil tanaman yang wajib dikeluarkan zakat seterusnya membuat penilaian harganya dengan harga pasaran kemudian membayarnya dalam bentuk wang tunai.

### Hukuman Bagi Orang Yang Tidak Mahu Mengeluarkan Zakat

Salah satu peristiwa yang berlaku selepas kewafatan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam ialah keengganan sebahagian orang-orang Islam untuk mengeluarkan zakat. Dan ini mengakibatkan Saidina Abu Bakar As-Siddiq memerangi orang-orang tersebut sehingga mereka membayar zakat. Kejadian ini menunjukkan bahawa pembayaran zakat penting dalam institusi masyarakat Islam.

**ZAKAT hendaklah dibayar oleh setiap orang Islam yang memelihara apa jua binatang, atau menanam apa jua tanaman atau menjalankan apa jua perusahaan, daripada mana zakat hendaklah dibayar dengan kadar dan dengan cara sebagaimana yang ditetapkan oleh majlis dari masa ke semasa menurut hukum syarak.**

# Beras Laila: Kewajipan zakat jangan dilupa

Oleh : Haji Hassan Haji Metali

Hukuman orang yang enggan untuk membayar zakat itu ada banyak diperintahkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala dan dalam hadis Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam. Dalam surah At-Taubah ayat 34 Allah Subhanahu Wata'ala berfirman yang tafsirannya:

"Dan orang-orang yang menyimpan emas dan perak, dan tidak dinajahkannya di jalur Allah, beritakanlah kepada mereka, mereka akan mendapat seksa yang pedih."

Dan dalam satu hadis Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya:

"Sesiapa yang diberi Allah harta kepada dia tidak menunaikan zakatnya dijadikan Allah pada hari Akhirat seekor ular yang botak (sangat berbisik) dan mempunyai dua tempok hitam di atas matanya (sangat jahat), ular itu melilit lehernya dan kemudian membelit dagunya pula sambil berkata : Akulah hartamu, akulah yang kamu simpan dahulu."

Kemudian Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam membacakan ayat dari surah Ali Imran ayat 180 yang tafsirnya:

"Janganlah orang-orang kikir memberikan dengan apa yang telah dikurniakan Allah kepada dia mengira bahawa kekikirnya itu baik untuk mereka. Tidak! Melainkan membahayakan mereka, nanti harta yang mereka kikirkan itu akan digantungkan di lehernya di Hari Kiamat. Allah mempusakai langit dan bumi dan mengetahui apa yang kamu kerjakan."

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam mengecam dengan begitu kerasnya ke atas orang-orang Islam yang memiliki harta yang berlimpah ruah, namun enggan membayar zakatnya untuk membantu saudara-saudaranya yang berada dalam kesulitan. Mereka ini menumpuk harta hanya untuk kesenangan peribadi mereka sendiri dan melalaikan perintah Allah dan rasul-Nya.

Dalam kedua-dua ayat Al-Qur'an dan Hadis di atas memberi gambaran yang sangat jelas bahawa orang-orang yang memiliki harta yang banyak dan mencukupi syarat untuk mengeluarkan zakat, namun enggan untuk berbuat demikian mereka adalah orang-orang yang sangat rugikan dan sudah pasti akan menerima padahnya apabila mereka enggan untuk menunaikan kewajipan untuk mengeluarkan zakat.

Begitulah sedikit gambaran berhubung dengan orang Islam yang enggan mengeluarkan zakat dalam semua jenis yang ditetapkan oleh Syara'.

### Undang-Undang Negara Brunei Darussalam Mengenai Zakat:

Di Negara Brunei Darussalam terdapat peruntukan di bawah Akta Majlis Ugama Islam (MUI) dan Mahkamah-Mahkamah Kadi Penggal 77 Pindaan 1984 yang menyatakan tentang peraturan berhubung dengan zakat termasuk zakat fitrah. Peruntukan tersebut ada terkandung dalam bab 114, 115, 116, 117, 118, 119, 120 dan 121. Dan dinyatakan juga berhubung dengan kesalahan tidak membayar zakat di bawah bab 192.

Peruntukan bab 114 adalah menyatakan berhubung dengan pihak yang mempunyai kuasa untuk memungut zakat iaitu Majlis Ugama Islam iaitu bagi pihak Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

114. Majlis hendaklah mempunyai kuasa, hendaklah bertugas, untuk memungut bagi pihak Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan untuk menyelesaikan sebagaimana yang diarahkan oleh Kebawah Duli yang Maha Mulia, tertakluk kepada syarat-syarat dari akta ini, semua zakat dan fitrah yang harus dibayar di Negara Brunei Darussalam menurut hukum syarak dan hendaklah berbuat demikian setakat mana dan dengan cara yang ditetapkan dalam akta ini.

Peruntukan ini selain menjelaskan tugas dan tanggungjawab MUI untuk memungut zakat, peruntukan ini juga menghendaki MUI untuk mematuhi sepenuhnya apa-apa kehendak dan syarat dalam Akta MUI Penggal 77 berhubung dengan pungutan zakat tersebut. Dan perkara ini ada diperjelaskan dalam peruntukan seterusnya.

115. (1) Majlis hendaklah menyediakan senarai-senarai penaksiran tahunan yang berhubung dengan setiap mukim masjid di Negara Brunei Darussalam, dengan menunjukkan nama-nama semua orang di dalamnya yang wajib membayar zakat dan fitrah masing-masing dan jumlah-jumlah yang wajib mereka bayar.

Bab 115 ini menerangkan peranan yang perlu dilaksanakan oleh MUI iaitu menyediakan senarai-senarai penaksiran tahunan berhubung dengan setiap mukim masjid di Negara Brunei Darussalam. Apa yang boleh difahamkan dengan senarai-senarai penaksiran ialah senarai orang yang dikehendaki untuk mengeluarkan zakat. Senarai ini hendaklah disediakan secara tahunan mengikut setiap mukim masjid.

Selain MUI mempunyai peranan menyediakan senarai-senarai penaksiran, imam juga berperanan sebagai wakil bagi pihak MUI dalam menyediakan senarai-senarai penaksiran yang berhubung dengan setiap mukim masjid dan menghadapkan salinan-salinannya kepada MUI.

115 (3) Dalam semua kawasan lain, imam hendaklah sebagai wakil dan bagi pihak majlis, menyediakan senarai-senarai penaksiran yang berhubung dengan setiap mukim masjid dan hendaklah menghadapkan salinan-salinan daripadanya kepada majlis, yang boleh mengubah dan memindah senarai-senarai penaksiran tersebut.

Peruntukan bab 115 (3) di atas adalah menjelaskan dan menerangkan peranan besar seorang imam dalam sebuah mukim masjid untuk menyediakan senarai-senarai penaksiran dalam mukim masjid tersebut. Senarai-senarai tersebut akan diserahkan oleh imam kepada MUI untuk tindakan lanjut pihak majlis. Cuma tidak diperjelaskan dalam peruntukan tersebut sebarang perkara berhubung dengan lantikan-lantikan seorang imam masjid di negara ini adakah ianya tertakluk kepada MUI atau lantikan atas dasar perjawatan sebagai penjawat awam. Jika ini diperjelaskan maka kemungkinan akan dapat menjelaskan kedudukan dan peranan seorang imam itu seperti mana kehendak bab 115 (3) itu tadi.

Berhubung sekiranya ada pihak yang terkilan mendapat namanya termasuk orang yang wajib untuk mengeluarkan zakat ataupun terkilan dengan jumlah yang ditaksirkan untuk dikeluarkan zakat itu maka ianya adalah berhak untuk membuat bantahan kepada MUI. Ini ada disebutkan dalam peruntukan bab 115 (4).

115. (4) Sesiajaya boleh membuat bantahan kepada majlis terhadap kemasukan namanya dalam mana-mana senarai penaksiran atau terhadap jumlah atau bilangan berhubung dengan mana dia ditaksirkan dan majlis hendaklah mempertimbangkan setiap bantahan demikian dan hendaklah membuat keputusan

**DALAM perancangan yang dibuat oleh Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama telah mensasarkan sebanyak 20 peratus sara diri pada tahun 2010 iaitu daripada 3.15 peratus sara diri masa ini bersamaan 982.9 tan metrik setahun kepada kira-kira 5,800 tan metrik setahun. Dan seterusnya pada tahun 2015 ke tahap 60 peratus sara diri iaitu kira-kira 18,000 tan metrik setahun.**

ke atasnya sebagaimana yang difikirkan adil.

Dalam peruntukan Akta MUI dan Mahkamah-Mahkamah Kadi penggal 77 ini juga turut menjelaskan tentang bentuk atau jenis zakat yang perlu dilaksanakan. Ini disebut dalam bab 116.

116. Zakat hendaklah dibayar oleh setiap orang Islam yang memelihara apa jua binatang, atau menanam apa jua tanaman, atau menjalankan apa jua perusahaan, atau membuka bisnes dan dengan cara sebagaimana yang ditetapkan oleh majlis dari masa ke semasa menurut hukum syarak.

Dan salah satu perkara penting dalam peruntukan Akta MUI Penggal 77 ini ialah hukuman bagi mereka yang enggan membayar atau mengeluarkan zakat sebagaimana yang diperuntukan dalam bab 192.

192. (1) Barang siapa, setelah ditaksirkan dengan sah sebagai bertanggungjawab untuk membayar mana-mana zakat atau fitrah dan gagal untuk diperolehi, secara rayuan atau jalan lain, pembatalan atau pengubahan sajian bagi penaksiran demikian, yang enggan atau sengaja gagal untuk membayar zakat dan fitrah tersebut, adalah melakukan suatu kesalahan : Hukuman, dipenjara selama 14 hari atau didenda sebanyak BND1,000.

(2) Sabit kesalahan di bawah bab ini tidak akan menghapuskan hutang tersebut.

Peruntukan ini adalah jelas boleh dikenakan ke atas mereka yang enggan untuk menunaikan tanggungjawab untuk membayar zakat. Namun penulis berpendapat hukuman yang akan dikenakan itu adalah masih terlalu kecil dan ringan jika melihat kepada tanggungjawab individu sebagai seorang muslim kepada saudaranya yang lain. Kerana dengan kesusaahan dan kemiskinan hidup orang lain itu boleh mengakibatkan bermacam-macam perkara berlaku yang mana boleh mengakibatkan seseorang itu terkeluar dari ugama Islam. Sepertimana sabda Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam yang maksudnya: "Kemiskinan itu hampir kepada kekufuran."

Peruntukan bab 192 (1) selain menetapkan hukuman bagi kesalahan kerana tidak mengeluarkan zakat, peruntukan 192 (2) adalah menetapkan bahawa walaupun seseorang itu telah disabitkan dan dijatuhi hukuman sepeleman kehendak bab 192 (1) akan tetapi hukuman itu tidak akan menghilangkan hutang zakat yang wajib dikeluarkannya itu. Maka tanggungjawabnya untuk mengeluarkan zakat adalah masih perlu dilaksanakannya.

Di negara ini, kita sangat beruntung kerana sering didekodkan dengan berbagai informasi yang berunsurkan keagamaan. Dan penulis sendiri melihat penyebaran informasi tersebut ini tidak banyak didapat di negara Islam yang lainnya. Adalah amat janggal didengar bila mana bila dalam slot berita televisyen dan radio di negara kita menyiaran kadar nisbah membayar pada setiap hari, namun di negara ini ianya satu yang amat mengagumkan bila mana ianya sentiasa dihebahkan dan ini secara langsung sebagai memberi peringatan dan nasihat. Semoga perkara ini akan sentiasa berjalan dalam semua bentuk dakwah untuk menyeru kepada kebaikan.

Dan berhubung dengan kejayaan petani-petani di negara ini mengusahakan tanaman beras masing-masing maka janganlah sampai kita leka atau lupa untuk menunaikan tanggungjawab kita untuk mengeluarkan zakat kepada mereka yang berhak. Baik beras yang dihasilkan itu adalah beras Laila ataupun apa juga jenis beras, maka apabila cukup kadar dan nisabnya maka wajiblah dikeluarkan zakatnya. Mudah-mudahan dengan zakat yang dikeluarkan itu akan menambah suburkan tanaman masing-masing dan membawa pulangan yang berkat. Begitu juga zakat dalam bentuk yang lain seperti zakat binatang atau harta agar pembayaran akan terus dilaksanakan mengikut syarat-syarat yang telah ditentukan.

### 3) Tidak menjaga kehormatan bulan Ramadhan

**B**ULAN Ramadhan amat tinggi darjatnya di sisi Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Ia merupakan sebaik-baik bulan dan penghulu segala bulan.

Oleh itu, janganlah ada orang yang melakukan perbuatan yang boleh mencemar kehormatan bulan mulia ini seperti berikut:

1. Tidak menjaga diri daripada perkara-perkara syahwat yang tidak membatalkan puasa. Perkara-perkara syahwat adalah perkara-perkara yang selalunya menjadi keinginan seseorang sama ada perkara-perkara yang seronok dilihat, sedap didengar, disentuh mahupun dihidu. Umpamanya mendengar muzik atau lagu-lagu yang mengasyikkan dan melalaikan, menghidu (menikmati) benda-benda harum seperti minyak wangi dan memakainya. Perkara-perkara ini termasuk di dalam perbuatan bersenang-senang, sedang perbuatan bersenang-senang dan bermewah-mewah merupakan perbuatan yang makruh dilakukan ketika berpuasa dan ianya tidak menepati hikmah di sebalik puasa. Kesilapan seperti ini sering tidak disedari memandangkan ianya tidak membatakan.

Selain itu, bercakap bohong, mengumpat, berbantah-bantahan, mengkeji atau mencela, melakukan fitnah atau mengadu domba, berkata sia-sia dan berangan-angan kosong ketika menjalani ibadat puasa juga dituntut untuk ditinggalkan sebagaimana hadits riwayat Abu Hurairah *RadiAllahu 'anhu*, Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* telah bersabda:

**Maksudnya:** "Puasa itu bukan sekadar menahan diri daripada makan dan minum, akan tetapi puasa yang sebenar-benarnya ialah menahan diri daripada kata-kata yang sia-sia dan kata-kata yang keji." (Hadits riwayat al-Hakim)

Termasuk perbuatan yang sia-sia itu juga ialah menghabiskan masa dengan menonton televisyen, video dan filem yang tidak mendatangkan faedah.

2. Tidak menjaga batas-batas agama seperti berpakaian tidak senonoh, tidak menjaga 'aurat' dan berbuat maksiat atau melakukan perkara-perkara yang dituntut oleh syariah untuk ditinggalkan seperti berkelahi atau bertengkar, bersukaria atau berhibur dengan berlebih-lebihan, berdua-duaan yang boleh menimbulkan fitnah atau syak wasangka.

Walaupun maksiat itu dilarang pada setiap masa tanpa mengira bulan, namun pada bulan Ramadhan dosanya lebih besar kerana dianggap pencabulan terhadap kehormatan dan kemuliaannya. Menurut riwayat yang diceritakan daripada Sufyan daripada 'Atha bin Abi Marwan daripada bapanya:

**Maksudnya:** "Ali *RadiAllahu 'anhu* telah didatangi oleh *Najasyi si penyair*, yang telah meminum arak pada (siang hari) bulan Ramadhan, lalu dia berbuka. Maka Ali menghukumnya dengan lapan puluh sebatan yang dilaksanakan pada kesokan harinya dan menghukumnya lagi dengan dua puluh sebatan dengan berkata: "Sesungguhnya aku menghukum kamu dengan dua puluh sebatan ini adalah kerana keberanianmu (keberhaikanmu) terhadap Allah dan kerana kamu tidak berpuasa di (siang hari) bulan Ramadhan." (Hadits riwayat al-Baihaqi)

Dengan meninggalkan

perbuatan-perbuatan yang dilarang, orang yang berpuasa akan mendapat dua ganjaran pahala iaitu mendapat pahala wajib kerana menahan diri dari melakukan perbuatan yang dilarang dan mendapat pahala sunat kerana menahan diri dari melakukan perbuatan yang dilarang ketika sedang berpuasa.

Sebaliknya orang yang tidak meninggalkan perbuatan sedemikian akan mendapat dosa kerana melakukan perbuatan yang dilarang. Di samping itu juga akan menghilangkan pahala puasanya, kerana melanggar suruhan yang disunatkan iaitu suruhan menjaga kesucian puasa dan bulan Ramadhan.

## PDI bimbang saudara baru hayati kitab suci Al-Qu'r'an

Oleh : Hezlinawati Haji Abd. Karim

TEMBURONG, Sabtu, 21 Ogos. - Pusat Da'wah Islamiah (PDI) melalui Unit Da'wah Khas dan Pembangunan Muallaf, Bahagian Pengisian dan Pemelibharan Saudara-saudara Baru sentiasa berusaha ke arah membimbang saudara-saudara baru untuk menghayati kitab suci Al-Qu'r'an.

Usaha sedemikian bertambah giat dilaksanakan terutamanya di bulan Ramadhan ini dalam sama-sama menghidupkan dan menyemarakkan lagi bulan yang penuh keberkatan ini dengan mengadakan Majlis Bertadarus bersama saudara-saudara baru.

Malam tadi serombongan pegawai daripada PDI mengadakan Majlis Bertadarus bersama saudara-saudara baru di daerah tersebut bertempat di Balai Ibadat Kampung Selapon.

Rombongan yang diketuai oleh Pemangku Penolong Pejabat PDI, Awang Haji Marzuki bin Haji Abdul Rahman juga disertai oleh para mahasiswa/mahasiswi Universiti Sultan Sharif Ali (UNISSA).

Terdahulu, rombongan bersembahyang Isyak Berjemaah yang juga diselanjurkan dengan Sembahyang Sunat Tarawih dan Witir.

Melalui majlis seumpama itu diharap akan dapat meningkatkan lagi penghayatan Islam di kalangan saudara-saudara baru dan sedikit sebanyak memberi pendekatan kepada mereka bagi merafa faidat di bulan yang mulia ini.

Dengan adanya majlis itu juga diharap akan dapat meningkatkan mutu bacaan mereka, di samping menjadi galakan kepada mereka untuk melibatkan diri bagi mengikuti aktiviti-aktiviti yang berfaedah di bulan Ramadhan ini.

## JPI kendalikan Program Celik Al-Qur'an

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 18 Ogos. - Jabatan Pengajian Islam (JPI) secara berterusan mengendalikan program sokongan ke arah meningkatkan penghayatan hidup beragama di kalangan pelajar-pelajar Islam di negara ini dengan mengendalikan Program Celik Al-Qur'an bagi pelajar-pelajar Sekolah Menengah dan Institusi Pendidikan Teknik Tahun 1431 Hijrah.

Sekolah Menengah Sayyidina Abu Bakar (SMSAB), Lambak Kanan di antara salah sebuah sekolah menengah di negara ini yang telah mengikuti program tersebut yang berlangsung di Surau SMSAB, Lambak Kanan, di sini.

Sementara itu, pelajar-pelajar daripada Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal juga mengikuti program yang sama di maktab berkenaan.

Program tersebut adalah bagi menjunjung dan mendukung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan mengurnikan titah di Majlis Pertandingan Membaca Al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan 1430 Hijrah di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, pada 28 Mei 2009.

Antara objektif program tersebut ialah bagi menghidupkan bulan Ramadhan dengan memperbaikkan membaca ayat-ayat suci Al-Qur'an dan meningkatkan lagi kemahiran pembacaan Al-Qur'an bagi pelajar-pelajar sekolah menengah dan sekolah agama.

Di samping itu, ianya juga bagi menggalakkan para pelajar untuk mengkhatamkan bacaan Al-Qur'an terutamanya semasa bulan Ramadhan.

Program tersebut disasarkan kepada pelajar yang beragama

# Beberapa kesilapan yang dilakukan semasa berpuasa Ramadhan

wasallam.

Menurut Ibn Hajar al-'Asqalani, selain mengikut sunnah dan menambah pahala, sahur juga membezakan antara puasa orang Islam dengan puasa orang ahli kitab, menghalang perbuatan-perbuatan yang tidak baik yang dipengaruhi oleh kesan berlapar di siang hari, menggalakkan perbuatan bersedekah dan bersahur bersama-sama, meningkatkan dan memberi peluang bagi orang yang lupa berniat puasa sebelum tidur dan yang paling utama ialah untuk memberi kekuatan dan kecerdasan kepada orang yang berpuasa dalam melakukan ibadat ketika menghadapi rasa lapar dan dahaga di siang hari. Ini adalah bersesuaian dengan sabda Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam*:

**Maksudnya:** "Memohonlah kamu (kepada Allah kekuatan) melalui makan sahur supaya memperolehi kekuatan berpuasa di siang hari." (Hadits riwayat Ibnu Majah)

Di dalam kitab Fathul-Bari, terdapat pendapat yang mengatakan, berkat di waktu sahur itu mengandungi bangun daripada tidur dan berdoa di waktu sahur, kerana pada waktu itu rahmat turun dan doa terangkat sebagaimana Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

**Maksudnya:** "Daripada Abi Umamah, beliau telah berkata: "Wahai Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam*, bilakah waktu doa itu lebih didengar?" Baginda bersabda: "Pada waktu tengah malam dan selepas (menunaikan) sembahyang-sembahyang fardhu." (Hadits riwayat at-Tirmidzi)

Bersegera untuk berbuka merupakan salah satu perkara yang disunatkan ketika berpuasa. Sebaliknya, perbuatan sengaja menangguh atau melambat-lambatkan berbuka puasa apabila sudah yakin akan masuknya waktu Maghrib (terbenamnya matahari) hukumnya adalah makruh. Namun jika ia berlaku tanpa disengajakan atau tanpa ada tujuan untuk melegah-lengahkan maka tidaklah mengapa. Hadits ada menyebutkan bahawa-

sanya Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

**Maksudnya:** "Manusia selalu berada dalam kebaikan selama mereka segera berbuka." (Hadits riwayat al-Bukhari)

Dalam Sunan Ibnu Majah pula menyebutkan, Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

**Maksudnya:** "Manusia selalu berada dalam kebaikan selama mereka segera berbuka, maka segeralah berbuka, sesungguhnya Yahudi melewatkannya (berbuka)." (Hadits riwayat Ibnu Majah)

Sunat berbuka puasa dengan *ruthab* (kurma masak yang masih basah). Jika tidak ada, berbukalah dengan *tamar* (kurma masak yang sudah kering) dan mengambilnya dalam jumlah yang ganjil, umpamanya tiga biji. Jika tidak ada, berbukalah dengan air.

Diutamakan untuk mendahuluikan berbuka dan kemudian barulah menunaikan sembahyang. Ini adalah berdasarkan perbuatan Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* seperti yang diriwayatkan oleh Abu Daud daripada Anas bin Malik *RadiAllahu 'anhu* meriwayatkan:

Zaid bin Tsabit *Radhiallahu 'anhu* meriwayatkan:

**Maksudnya:** "Kami bersahur bersama Nabi

*Shallallahu 'alaihi wasallam*, kemudian Baginda mendirikan sembahyang, lalu ditanyakan kepada Baginda: "Berapakah jarak antara azan dan sahur?" Baginda bersabda: "Kira-kira lima puluh ayat."

(Hadits riwayat al-Bukhari)

**5) Melambat-lambatkan berbuka**

Bersegera untuk berbuka merupakan salah satu perkara yang disunatkan ketika berpuasa. Sebaliknya, perbuatan sengaja menangguh atau melambat-lambatkan berbuka puasa apabila sudah yakin akan masuknya waktu Maghrib (terbenamnya matahari) hukumnya adalah makruh. Namun jika ia berlaku tanpa disengajakan atau tanpa ada tujuan untuk melegah-lengahkan maka tidaklah mengapa. Hadits ada menyebutkan bahawa-

**Maksudnya:** "Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* berbuka dengan kurma basah sebelum Baginda sembahyang. Jika tidak ada, Baginda berbuka dengan kurma kering. Jika tidak ada, Baginda menebak beberapa teguk air."

(Hadits riwayat Abu Daud)

Bersambung pada keluaran Rabu, 1 September 2010

## PDI bimbang saudara baru hayati kitab suci Al-Qu'r'an

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim



PARA pelajar daripada sekolah menengah semasa mengikuti Program Celik Al-Qur'an yang diadakan di salah sebuah sekolah menengah di negara ini. - Foto : Azmah Haji Ahad.

Islam Tahun 9, pelajar-pelajar Tingkatan Enam Bawah bagi Pusat Tingkatan Enam dan pelajar-pelajar daripada Institusi Pendidikan Teknik di seluruh negara.

Para tenaga pengajar bagi Program Celik Al-Qur'an terdiri daripada tenaga pengajar mata pelajaran Pengetahuan Ugama Islam daripada JPI dan Jabatan Sekolah-sekolah dan guru-guru sekolah agama yang mengajar Darjah Pra, I, II dan III.

Program tersebut dilaksanakan sekurang-kurangnya dua sesi dalam sesi mata pelajaran Pengetahuan Ugama Islam iaitu: Dalam sesi pelajaran Al-Qur'an dan Amali Agama dan dalam sesi pelajaran Ko-Kurikulum (CCA) atau Pendidikan Rohani (P.E).

Program ini nanti akan diakhiri dengan Majlis Khatam Al-Qur'an bagi pelajar-pelajar yang dapat mengkhatamkan 30 Juzuk Al-Qur'an.

## 8. Latar Belakang Dan Sejarah Penubuhan Biro Mencegah Rasuah (BMR)

BIRO Mencegah Rasuah ditubuhkan pada 1 Februari 1982 dengan tujuan 'Menegakkan Integriti Perkhidmatan Awam dan Membanteras Rasuah'. Ini selaras dengan penubuhan dan penguatkuasaan penjenayah atau 'criminalization' rasuah di Negara Brunei Darussalam dengan pengenalan 'Perintah Darurat [Pencegahan Rasuah]'. Kemudiannya diubah menjadi Akta Pencegahan Rasuah [Penggal 131].

Sepanjang 29 tahun berlalu, BMR telah berjaya memainkan peranan di peringkat nasional, serantau dan antarabangsa sebagai agensi mencegah tabiat-tabiat yang menjurus kepada amalan dan perlakuan rasuah, terutama di dalam Perkhidmatan Awam, menyiasat aktiviti-aktiviti penyelewengan dan perlakuan-perlakuan rasuah dengan slogan 'Without Fear and Favor', mendidik masyarakat tentang gejala rasuah melalui ceramah, di samping menerapkan Pendidikan Pencegahan Rasuah Dalam Kurikulum Kebangsaan pada awal tahun 2006 dan lain-lain lagi. Sebagai contoh, setakat tahun 2008, BMR telah menerima 189 maklumat dan aduan daripada orang ramai; hasilnya 64 kes siasatan telah dibuka untuk tindakan lanjut, 14 kes siasatan telah siap dan dihadapkan kepada pejabat Peguam Negara, empat buah kertas siasatan dihadapkan ke kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan yang berkenaan untuk tindakan lanjut dan banyak lagi yang telah berjaya diselesaikan.

### 9. Usaha dan Langkah-Langkah Pencegahan atau Pembanterasan Rasuah

Pelbagai program telah diatur termasuk menyebarkan maklumat kepada masyarakat mengenai keburukan rasuah. Usaha yang tidak kendur-kendur ini boleh dianggap mencapai kejayaan. Keberkesanannya tersebut disokong oleh 78 peratus responden dan sekali gus meletakkan negara ini di posisi ketiga selepas Hong Kong (88 peratus) dan Singapura (96 peratus). Di samping itu, kemasukan Negara Brunei Darussalam di dalam Barometer juga adalah baik dan menunjukkan usaha yang dilakukan telah menaikkan taraf negara ini.

#### 9.1 Program Penyaluran Maklumat Rasuah dan Pendidikan

Bagi menyalurkan maklumat rasuah yang tepat dan berkesan, BMR telah mengadakan beberapa bengkel dan ceramah. Tujuannya untuk berkongsi maklumat dan mendapatkan kerjasama daripada masyarakat, contoh mengadakan program Pendidikan Pencegahan Rasuah di sekolah-sekolah dengan Persatuan Ibu bapa dan Guru-Guru (kerjasama Jabatan Perkembangan Ko-Kurikulum), Jabatan Sekolah-Sekolah, Bahagian Pendidikan Swasta, Kementerian Pendidikan dan Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama serta disokong oleh Syarikat Minyak Brunei Shell Sendirian Berhad di beberapa buah sekolah seperti di Institut Tahfiz Al Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah, di Sekolah Rendah Kriam, Tutong, di Sekolah Rendah Sultan Hassan dan lain-lain lagi.

Program ini merupakan salah satu pendekatan yang diungkayahkan oleh BMR untuk mendidik pelajar-pelajar tentang Pendidikan Pencegahan Rasuah dan menanam nilai-nilai murni kepada pelajar seterusnya mempraktikkan nilai murni dan akhlak mulia di dalam kehidupan sehari-hari. Usaha murni ini sewajarnya diteruskan seperti mana sabda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah supaya pendidikan rasuah disemai kepada generasi muda kerana mereka adalah pewaris pemimpin di masa depan. Petikan sabda Duli Yang Teramat Mulia : 2006).

"Pendidikan pencegahan rasuah yang disemai dari awal lagi di kalangan penuntut merupakan strategi penting bagi membina dan melengkap sebuah masyarakat yang bencikan rasuah. Generasi muda adalah bakal pemimpin akan datang. Sesarusnya mereka ini dididik untuk memusuhi rasuah."

#### 9.2 Rangkaian Kerjasama di Persada Antarabangsa dan Tempatan

**SISTEM pengurusan yang kurang berkesan seperti terlalu banyak biokrasi (tingkat pemprosesan kebenaran permohonan yang lama atau lewat), kurang ketelusan dan akauntabiliti, penggunaan kuasa budi bicara tanpa kawalan, kurang integriti serta keupayaan ditingkatkan dan dikemas kini. Kelemahan sistem pengurusan sedemikian pasti menyuburkan amalan rasuah di kalangan pegawai dan kakitangan. Sehubungan itu, kajian semula perlu dilakukan dan pengemaskinian sistem hendaklah dilaksanakan mengikut peruntukan undang-undang tertentu.**

Oleh: Kipli Bulat

## BAHAGIAN KE EMPAT

### SIRI AKHIR

Sejak ditubuhkan sehingga sekarang, BMR giat menjalin kerjasama dengan masyarakat tempatan, serantau dan antarabangsa. Di peringkat tempatan, dialog diadakan bagi meningkatkan sistem yang ada supaya *loophole* di dalam sistem pentadbiran tidak dieksploritasikan bagi kegiatan rasuah, pecah amanah dan seumpamanya.

Di peringkat antarabangsa pula, negara ini sering mengikuti program pertukaran maklumat, lawatan kerja dan sebagainya, contohnya menjalin kerjasama dengan BMR Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), United Nation Convention Against Corruption (UNCAC) di peringkat serantau melalui Pelan Tindakan APEC dengan Malaysia, kerjasama persefahaman dengan BPR Malaysia, KPK Indonesia dan CPIB Singapura, kerjasama Dua Hala (*Bilateral Cooperation*) dengan Badan Pencegah Rasuah Malaysia, kerjasama Berbagai Hala (*Multi Lateral Cooperation*) dengan agensi-agensi penguat kuasa anti rasuah Republik Singapura, Malaysia, Republik Indonesia, Thailand, Kemboja, Republik Filipina dan Viet Nam (*South East Asia Parties Against Corruption*) (SEA-PAC) dan menjadi ahli *International Association of Anti Corruption Authorities* (IAACA). Di samping itu, BMR telah menjalin kerjasama dengan pakar serantau dan antarabangsa seperti melalui Hubungan Kerjasama Dua Hala (*Bilateral Cooperation*) dengan Badan Pencegah Rasuah, Malaysia dan melalui Hubungan Kerjasama Berbagai Jala (*Multilateral Cooperation*) dengan agensi-agensi penguat kuasa anti rasuah dari negara-negara jiran iaitu Republik Singapura, Malaysia, Republik Indonesia, Thailand, Kemboja, Filipina dan Viet Nam yang dikenali sebagai *South East Asia Parties Against Corruption* (SEA-PAC) untuk menangani arus *globalization of trade and service* dan penggunaan ICT, menjadi ahli kepada *International Association of Anti Corruption Authorities* (IAACA) tahun 2007. Selain itu negara ini juga telah menandatangani Konvensyen Bangsa-Bangsa Bersatu Menentang Rasuah pada 11 Disember 2003 di Merida, Mexico.

Ke arah keberkesanannya peranan dan tanggungjawabnya, BMR telah membuka sebuah laman web (*Face book*) dengan tujuan mendapatkan maklumat terbaru dari orang ramai, wadah berinteraksi, bertukar pandangan dan sebagainya. Secara tidak langsung laman web ini telah mewujudkan kerjasama dan menimbulkan kepercayaan dan meyakini masyarakat bahawa organisasi ini berada di landasan yang betul dan merupakan badan bebas.

## 10. Saran dan Pandangan

### 10.1 Program Kesedaran

Rasuah adalah amalan yang tidak beretika. Oleh itu program kesedaran seharusnya diberikan kepada masyarakat terutama warga Perkhidmatan Awam. Ini penting bagi mewujudkan warga perkhidmatan yang bebas dan benci rasuah. Salah seorang Mantan Perdana Menteri negara jiran pernah menyuarakan kebimbangannya terhadap rasuah dan salah guna kuasa yang menular di kalangan golongan berilmu dan berkedudukan tinggi dalam kerajaan dan swasta di dalam akhbar dalam tahun 2005, sesungguhnya kekhawatiran beliau memang berdasas dan wajar dijadikan iktibar.

Sehubungan itu masyarakat di negara ini didecadahkan dengan program kesedaran yang mengandungi ciri-ciri keagamaan (iman dan takwa) kepada Allah secara berterusan terutama generasi muda. Kemudiannya program itu diteruskan lagi dengan bimbingan dan pemantapan iman yang dirasakan mampu mengubah sikap negatif kepada positif (membuang dan mengikis sifat tamak haloba, pentingkan diri dan sebagainya kepada

**RASUAH adalah amalan yang tidak beretika. Oleh itu program kesedaran seharusnya diberikan kepada masyarakat terutama warga Perkhidmatan Awam. Ini penting bagi mewujudkan warga perkhidmatan yang bebas dan benci rasuah. Salah seorang Mantan Perdana Menteri negara jiran pernah menyuarakan kebimbangannya terhadap rasuah dan salah guna kuasa yang menular di kalangan golongan berilmu dan berkedudukan tinggi dalam kerajaan dan swasta di dalam akhbar dalam tahun 2005, sesungguhnya kekhawatiran beliau memang berdasas dan wajar dijadikan iktibar.**

nilai murni yang berlandaskan ajaran Islam.)

### 10.2 Memperbaiki Sistem Pengurusan

Sistem pengurusan yang kurang berkesan seperti terlalu banyak biokrasi (tingkat pemprosesan kebenaran permohonan yang lama atau lewat), kurang ketelusan dan akauntabiliti, penggunaan kuasa budi bicara tanpa kawalan, kurang integriti serta keupayaan dan sebagainya perlu ditingkatkan dan dikemas kini. Kelemahan sistem pengurusan sedemikian pasti menyuburkan amalan rasuah di kalangan pegawai dan kakitangan.

Sehubungan itu, kajian semula perlu dilakukan dan pengemaskinian sistem hendaklah dilaksanakan mengikut peruntukan undang-undang tertentu. Ini perlu bagi meningkatkan integriti, penggunaan ICT, kecekapan dan keberkesanannya serta memperkemaskin sistem dan prosedur kerja penguatkuasaan di samping menyediakan latihan dan mengadakan program pengukuhan nilai demi kelancaran Perkhidmatan Awam dan peningkatan produktiviti negara selari dengan wawasan negara, 2035.

### 10.3 Usaha Bersepadu Yang Komprehensif

Pihak kerajaan, sektor swasta, masyarakat dan badan bukan kerajaan termasuk persatuan dan pertubuhan belia, kampung dan mukim harus berganding bahu dalam menangani rasuah. Kerjasama tersebut boleh dilakukan melalui percambahan minda, interaksi sosial melalui perkumpulan belia, sukan, kesenian, theater dan seumpamanya.

### 10.4 Pengisytiharan Harta

Mungkin pengisytiharan harta bukan dianggap faktor yang relevan namun jika faktor ini dilihat suatu kewajaran, kenapa tidak dilaksanakan. Dari sudut yang lain, tindakan pengisytiharan harta perlu digubal dan dikuatkuasakan terutama bagi warga Perkhidmatan Awam, korporat, swasta, usahawan dan lain-lain lagi. Jika akta ini dilaksanakan sudah pasti dapat membantu dan memudahkan BMR memantau dan menjalankan operasinya.

### 10.5 Pendidikan

Didikan dan asuhan benci rasuah adalah penting dan hendaklah diamalkan dan dipelihara. Penerapan pendidikan rasuah yang telah dibuat dengan usahasama Universiti Kebangsaan Malaysia dan Kementerian Pendidikan Brunei adalah sesuatu yang baik dan perlu dikemas kini. Biarlah pendidikan itu nanti mempunyai kesinambungan dari peringkat rendah, menengah dan tertinggi, pembudayaan pendidikan yang berterusan itu setentunya dapat melahirkan generasi benci rasuah dan masyarakat beretika.

## 11. Penutup

Rasuah adalah musuh negara dan perlu dihindari oleh masyarakat. Oleh itu penawar terbaik untuk membendung rasuah adalah kembali kepada ajaran Islam. Islam adalah sebaik-baik agama dan mampu membentuk minda, akhlak, menimbulkan rasa insaf dan takwa dalam diri individu. Apabila nilai-nilai murni dan agama sudah tertanam di dalam diri pasti ia dapat menjadi benteng kukuh pada menangkis jenayah rasuah. Malahan seseorang individu itu akan mendapat keredaan, keberkatan, perlindungan dan rahmat dari Allah Subhanahu Wata'ala, Amin Ya Rabbal Alamin sebagaimana Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Al Qur'an, tafsirnya:

"Wahai sekalian manusia! Makanlah dari apa yang ada di bumi, yang halal lagi baik dan janganlah kamu ikut jejak langkah syaitan kerana sesungguhnya syaitan itu ialah musuh yang terang nyata bagi kamu." (Surah Al Baqarah ayat 168).

# Majlis Sambutan Nuzul Al-Qu'ran Peringkat Negara

## Brunei Darussalam lahirkan hafiz Al-Qur'an berkualiti

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad  
Foto : Masri Osman, Abdullah Haji Awang  
Damit, Ampuan Haji Mahmud  
Ampuan Haji Tengah

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 27 Ogos. - Melihat kepada perkembangan yang signifikan di serata dunia, pencapaian Negara Brunei Darussalam tidak ketinggalan dalam usaha melahirkan para hafiz Al-Qur'an yang berkualiti.

Setakat ini negara kita mempunyai 13 orang hafiz Al-Qur'an yang lulus 30 juzuk yang ditasim oleh Lembaga Tasme Tertinggi Negara Brunei Darussalam sebanyak dua kali setahun secara berterusan dan dalam pada itu 16 calon ditasim 20 juzuk dan 53 calon ditasim 40 juzuk.

Pengetua Institut Tahfiz Al-Qur'an Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Haji Abd. Rajid bin Haji Mohd. Salleh menjelaskan perkara demikian ketika menyampaikan Ceramah Khas Sambutan Nuzul Al-Qur'an 1431 Hijrah bersamaan 2010 Masihi di Putrajaya Persidangan Antarabangsa Berakas.

Menurutnya, perkembangan teknologi terkini memungkinkan kita menjaga Al-Qur'an dengan pelbagai

kaedah dan cara. Melalui zaman teknologi maklumat yang penuh cabaran ini, kita dapat akses pelbagai maklumat mengenai perkembangan Al-Qur'an di serata dunia.

Di samping itu tambahan, pembacaan dan menghafaz Al-Qur'an juga boleh diikuti melalui perisian komputer, cakera padat (Compact Disc-CD) dan yang seumpamanya serta melihat kaedah penulisan dan pencetakan Al-Qur'an sekarang jauh terkehadap dari zaman awal penulisan Al-Qur'an dahulu.

Walau bagaimanapun katanya, tidak dapat dinafikah dan disangkal bahawa kaedah yang paling berkesan dan paling selamat ialah hafazan di dalam data yang boleh dianggap benteng terakhir umat Islam dalam menjaga kesucian dan kemurnian Al-Qur'an.

Beliau juga menyentuh mengenai dua kaedah asas penjagaan Al-Qur'an dari zaman Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam iaitu kaedah secara hafazan dan kaedah secara tulisan di mana kaedah hafazan lebih banyak diperaktikkan oleh para hafiz Al-Qur'an.

**"NEGARA-NEGARA Islam memartabatkan kitab suci Al-Qur'an dengan mengadakan pertandingan-pertandingan hafaz dan Tilawah Al-Qur'an memberikan insentif serta skim-skim galakan dalam usaha demi menjunjung tinggi 'kalimatul ulya' Al-Quranul-karem."**

- Pengetua Institut Tahfiz Al-Qur'an  
Sultan Haji Hassanal Bolkiah,  
Haji Abd. Rajid bin Haji Mohd. Salleh



PARA jemputan yang hadir ketika mendengarkan bacaan ayat-ayat suci Al-Qur'an di Majlis Sambutan Nuzul Al-Qur'an Tahun 1431 Hijrah Peringkat Negara.

Al-Qur'an Arab Saudi menyatakan Pakistan mempunyai tujuh juta penghafaz Al-Qur'an dan pertubuhan tersebut juga melahirkan sebanyak 2,709 penghafaz Al-Qur'an pada tahun 2007 di mana negara-negara Asia sebanyak 1,656 penghafaz diikuti oleh 1,026 penghafaz dari negara-negara sebelah Afrika, di samping itu 27 penghafaz dari negara sebelah Eropah dan 462 penghafaz dari negara Yaman pada tahun yang sama.

Beliau menyatakan, menurut laporan statistik berkenaan negara-negara Islam memastikan kitab suci Al-Qur'an dengan mengadakan pertandingan-pertandingan hafaz dan Tilawah Al-Qur'an memberikan insentif serta skim-skim galakan dalam usaha demi menjunjung tinggi 'kalimatul ulya' Al-Quranul-karem.

Beliau juga menyentuh mengenai dua kaedah asas penjagaan Al-Qur'an dari zaman Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam iaitu kaedah secara hafazan dan kaedah secara tulisan di mana kaedah hafazan lebih banyak diperaktikkan oleh para hafiz Al-Qur'an.

Beliau juga menyentuh mengenai dua kaedah asas penjagaan Al-Qur'an dari zaman Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam iaitu kaedah secara hafazan dan kaedah secara tulisan di mana kaedah hafazan lebih banyak diperaktikkan oleh para hafiz Al-Qur'an.

## PETIKAN TITAH

- Al-Qur'an adalah suluh, perbendaharaan dan penyelamat kita di dunia dan di Akhirat.
- Umat yang memiliki Al-Qur'an adalah umat yang paling beruntung di antara lain-lain umat di dunia ini.
- Al-Qur'an adalah mukjizat yang luar biasa kurniaan daripada Allah kepada para Nabi dan Rasul. Ia ialah kurnia Allah kepada Nabi kita, Sayyidina Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.
- Mengandungi segala pedoman dan peraturan yang datang daripada Allah Subhanahu Wata'ala, bukan daripada siapa-siapa.
- Sebagai perbendaharaan sebagai santapan rohani, ubat dan rahmat serta sumber rezeki berupa pahala tanpa diragukan. Lagi banyak orang membacanya, lagi kayalah orang itu.
- Penyelamat umat kerana Al-Qur'an sebagai penawar, perlindungan dan pemberi syafaat di dunia dan di alam Barzakh dan hari Kiamat.
- Kita selaku pewaris Al-Qur'an patut bersyukur dikurniakan Al-Qur'an. Dan kita berkewajipan memberi penumpuan dengan mempelajarinya dan membacanya, kerana Al-Qur'an adalah cukup sempurna.
- Kerajaan telah memperkenalkan Kursus Diploma Aaliyah Giraat yang diungkapkan oleh Institut Tahfiz Al-Qur'an Sultan Haji Hassanal Bolkiah.
- Perkembangan negara dalam bidang Al-Qur'an, bukan sahaja untuk tujuan pertandingan malah di peringkat pembelajaran di sekolah dan pusat pengajian mesti terus dilakukan.
- Kita garap Brunei, Negara Zikir, dengan kekuatan Al-Qur'an, biar ia jadi nadi dalam kehidupan kita, supaya terjelmah satu 'sejarah besar' untuk bangsa.
- Ia bukan retorik atau propaganda, tetapi satu azam bangsa yang bertuah, yang mempunyai mukjizat dan keberkatan Al-Qur'an.

## Pemenang lahirkan rasa syukur atas kejayaan

Berita : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 27 Ogos. - Para pemenang Pertandingan Menghafaz Ayat-ayat Suci Al-Qur'an Berserta Pemahaman Sempena Sambutan Nuzul Al-Qur'an Tahun 1431 Hijrah Peringkat Negara melahirkan perasaan syukur dan gembira atas kejayaan mereka.

Tiga johan bagi Kategori A, B dan C menyatakan perkara itu semasa ditemubual oleh Wakil PELITA BRUNEI.

Awangku Md. 'Ashim Afiff bin Pengiran Haji Md. Zin, lapan tahun murid Sekolah Al-Falah dan pemenang Kategori A menyatakan, beliau mula menghafaz surah Al-Qur'an lebih kurang empat tahun lepas.

"Perasaan saya sangat gembira memenangi pertandingan ini dan saya berpuas hati dengan pencapaian saya setakat ini," jelas murid yang berasal dari Kampung Perpindahan Lambak Kanan itu.

Menurutnya, di masa akan datang dia akan menyertai lagi dalam kategori yang lain dan berharap akan menempa kejayaan.

Sementara itu, Dayangku Anish Salwa binti Pengiran Haji Bahrin pula melahirkan rasa gembira dan menjelaskan bahawa semasa pertandingan tersebut dia tidak merasa gementar.

Dayangku Anish, 14 tahun, menjelaskan, beliau sudah membuat persiapan yang terperinci dari awal tahun 2010.

"Dengan sokongan dan bantuan ibu bapa, saya menguatkan lagi semangat saya untuk mengulang kaji dan menghafaz ayat-ayat suci Al-Qur'an dan pemahamannya," katanya.

Manakala johan Kategori C, Awang Md. Najib bin Haji Aliakbar yang mendapat markah 98.72 peratus pada pertandingan tersebut menjelaskan, beliau merasa gembira atas segala usahanya mengulang kaji dan menghafaz 14 juz Al-Qur'an dari juz satu hingga juz 14 berserta pemahaman juz empat.

Awang Md. Najib penentu tingkatan empat, Institut Tahfiz Al-Qur'an menjelaskan, beliau rajin menghafaz dan membaca ayat-ayat suci Al-Qur'an di samping mengulang kaji dan menjaga makanan.



# سُرْدَلُ سُرْعِي

## القرآن معجزة أكوع

مدهمداهن الله سبحانه وتعالى ميري كيت كصيحتن توبه بدان دان كقواتن عزم انتوق ملاوكون عمل صالح سفتح هاري دان مالم دبولن يع مليا اين. امته روكى جك كيت معيسي مالم ۲ ترسبوت دعن اوروسن ۲ کدنیان سفترت مبوانت فرسیاقن دان فرسیدیان مبیوت هاري رای.

ماريله كيت مفریپعکن عمل عبادة كيت كف الد الله سبحانه وتعالى دعن مفریپعکن ملاوكون سمیهیغ ۲ سنة، مباح القرآن، برداعاء دان برذکر دعن فنوه راس کلیمان دان كتقوان کف الد الله سبحانه وتعالى. مک برأونتوغله باکی اورغ ۲ يع مفریولیهي اف يع درکرناکن الله سبحانه وتعالى قڈ مالم ليلة القدر ایت.

دبولن رمضان يع مليا اين جون، كيت ربوبته فلواح برصده، کران عمالن برصده، تيدق کيرا کجیل اتو بسر، باپق اتو سديکيت اداله عمالن مليا يع ساعه دأبجورکن اوله آكام إسلام دان دجنجیکن کنچارن يع ساعه بسر دان برلیفہ کندا.

سستکوھن برصده ایت منظاهیرکن راس شکور كيت تراهادف نعمة رزقي کرینان الله سبحانه وتعالى، سکالیکوس دافه منحاوھکن کيت دری برصفة کدکوت، بخیل دان طمع. بهکن دعن برصده دافه مريغنهکن بن اورغیث برجاجة دان مملوکن بتتوان. اوله ایت فرباپکنله عمالن برصده، لبه ۲ لاکی دبولن رمضان يع مليا اين. ماريله کيت جنتوھی کفریادین بکندا رسول الله صلی الله عليه وسلم يع ساعه قموره دالم کبایکن دان لبه قموره لاکی دالم بولن رمضان.

قد ماس این ترداھے باپق کموداهن اتوفون حارا انتوق کيت مغهولورکن صدقه، اتaranan مالالوی فرحدماتن فسنن ریچکس (SMS)، مالالوی فوتون غ اکاون بشک اتو مالالوی تابوغ ۲ يع دسیدیاکن سفترت تابوغ مسجد، تابوغ انتوق اتفق ۲ یتیم دان سپاکین، ترماسوکله تابوغ کمانسیان مشسا بنچان بنجیر فاکیستن يع تله دنجرکن بارو ۲ این يع دمتشکن دمسجد ۲، سوراو ۲ دان بالی ۲ عبادات سلوروه نکارا سلما دوا بولن مولای ۱۶ اکتوبر 2010 يع لالو هیشك ۱۵ اکتوبر 2010. اوله ایت، ماريله کيت سام ۲ مغهولورکن بتتوان باکی مريغنهکن بنین دان فدریتان يع دهادی اوله مشسا بنجیر دفاکپسن.

فلو دکتهوی بهوا اورغ ۲ يع سوک برصده ایت اداله اورغ يع برأونتوغ دان بوکن اورغیث روکی، کران دعن برصده رزقین اکن برگیه دان اکن منداھے کنیت يع لبه باپق دری اف يع تله دبلنچارکن انتوق برصده ایت. سام ۲ له کيت برداعاء مدهمداهن کيت سموا دمورهکن رزقي دان ترکولوغ دکالن اورغ ۲ يع قموره دان سوک برصده. آمين يا رب العالمين.

{سورة البقرة آية: ۴۴۵} تفسیر:

سیاککه اورغیث ماھو میریکن فینجامن کف الد الله سپاکی فینجامن يع باپق دعن مبلنچارکن هرتا قد جالن الله سغارا إخلاص، سقای الله اکن ملیشکنداکن باکین کنچارن يع برکندا ۲ باپق؟ دان الله جواله يع مهیغتکن دان ملواسکن فمیرین رزقي کف سسیاف يع دکھندهکن. دان کفدان کامو سموا دکمبایکن.

القرآن او حديث تيدق لاین هاپله وحي يع دوحیکن کفدان.

اوله ایت واھی قوم مسلمین، جاغنله داعکش حديث ۲ نی محمد صلی الله عليه وسلم ایت سپاکی کات ۲ دان فرتوتوران يع کلوار درقد هاتی دان فیکرین بیاس، تاثی ای اداله وحي الله سبحانه وتعالی. مک کدو دقنهن ساعتلہ تیغکی سلش القرآن. حديث ۲ ترسبوت تيدقله بوله دسامکن دعن کات ۲ فلسفة، کریا ۲ سسترا دان اوجاھن ۲ فارا سرجان. کران ایتلہ حديث ۲ تيدق بوله دبحث، دفریکای اتو دراکوی.

قد زمان سکارغ این، کيت اد منافقی فرکان دان کلاکوان سکلیتیر اورغ ۲ کافر يع مهینا القرآن دان حديث ۲ نی صلی الله عليه وسلم. دالم فرکارا این کيت هندقله برهاتی ۲ سقای حاجن سکالی ۲ ترقیاها تو ترقیاھو دعن اف جوا فروفاکندا يع جوبا منجمر کن کسوچین دان کبیران القرآن دان حديث. سستکوھن القرآن دان حديث ایت اداله وحي درقد الله سبحانه وتعالی يع بنر، يع ترقیاھارا کاصلین دان تيدق بوله دولق دان دبته لاکی.

براف هاری لاکی کيت اکن ماسوقي سقولوه مالم ترأخر بولن رمضان. مک افیل ماسوقي سقولوه مالم ترأخر بولن رمضان، کيت فسیتی اکن میسیجاراکن تنشیع لیلة القدر بیات ایاله بایک درقد سریو بولن. ادھون جالن تربايك انتوق مفریولیھی لیلة القدر ایت ایاله دعن مفیدوھکن تیش ۲ مالم سقولوه يع ترأخر دری بولن رمضان دعن عبادة دان کطاعتن کف الد الله سبحانه وتعالی، تشا منوڠکو ۲ مالم کتحیل سفترت يع دسوتوکن اوھ کبایقن فارا علماء. دعن بربوات طاعة کف الد الله سبحانه وتعالی قد ستیش مالم، نسحای اکن ترکنوجله ددالن لیلة القدر.

سیدا رسول الله صلی الله عليه وسلم دالم سبواه حدیث: مقصوده:

دري اسود بن يزيد، برکات عائشة رضي الله عنها: اداله رسول الله صلی الله عليه وسلم برسعکوھ ۲ مفرجاکن عمل عبادة دسقولوه يع ترأخر بولن رمضان، اف يع بکندا تيدق کرجاکن دسقولوه ترأخر بولن ۲ يع لان.

فرلو دایغة بهوا لیلة القدر يع دکانکن لبه باپق درقد سریو بولن ایت بوکنله کات ۲ بیاس اتو اوجاھن سلوکن، سهیغک کيت مفریلاکوکن اتو مالالوین سفترت مالم ۲ یغلاین تشا مفریپعکن عمالن، اتو مدادای دعن سمهیغ تراویح دان سمهیغ وتر. جاغنله دیبارکن مالم ۲ ایت برلا لو دعن ککوسون، کروکین دان فیسلن، سدغکن رمضان يع اکن داتع بلوم تنتو کيت برقلواح برتمو لاکی کران عمور دان کفوانن جسمانی تيدق کیت کھوی.

سیدا رسول الله صلی الله عليه وسلم دالم سبواه حدیث: مقصوده:

دري ائی هریرة رضي الله عنه، دری نی صلی الله عليه وسلم بکندا برسبیدا: برغسیاٹ مفرجاکن عبادة دالم لیلة القدر کران یمانان کف الد الله دان کران مفهارفکن کریضانن نسحای دامقونکن دوسان يع تله لالو.

ماريله کيت منیشکتکن کتفوان کيت کف الد الله سبحانه وتعالی دعن فنوه کیفین دان کلاخلاصن دعن ملاکوکن سکل سورونه دان منیشکلکن سکل لاراغن، لبه ۲ لاکی کتیک کيت براد دبولن رمضان يع مبارک این. مدھمداهن سکل عمل عبادة کيت دریما، دان ستروسن کيت منجادی إنسان يع بریمان دان برتفوی سرت سلامه دنیا دان دآخرة.

الحمد لله، کيت برشکور کف الد الله سبحانه وتعالی کران تله منتظریکن کيت منجادی اورغ إسلام يع دکرناکن کتاب سوجی القرآن يع منجادی جهیا دان فتحیو باکی میمیسیع کيت موا کحالن يع بنر.

القرآن إیاله معجزة أکوع نی محمد صلی الله عليه وسلم يع کل ترقیاھارا سهیغک کهاری قیامۃ. القرآن إیاله کتاب بیع تردیری درقد آیة ۲ يع دتوروکن کف الد الله عالیه وسلم. القرآن این معنا اصلن إیاله بھان دان دسیبوت جوک سپاکی کلام الله يعني کات ۲ الله.

الله سبحانه وتعالی منوروکن آیة ۲ القرآن مالالوی ملاٹکه جیریل عالیه السلام انتوق دمیشکن کف الد نی محمد صلی الله عالیه وسلم. جیریل عالیه السلام اکن مباھجکن کف الد نی محمد صلی الله عالیه وسلم دان مپوروه بکندا مباھجکن آیة ۲ يع تله دتوروکن سهیغکله آیة ۲ ایت ترکوم قول دان منت ددام دادا بکندا. فرمان الله سبحانه وتعالی دالم سورة القیامۃ آیة ۱۸-۱۷:

تفسیر:

سستکوھن کامیله يع برکواس معموقلکن القرآن ایت دالم دادمو، دان متفشکن بھانن قد لیدھم. اوله ایت افیل کامو تله مپھورناکن بھانن کف الد مو دعن فراتارأن جیریل، مک باجله منوروت بھان ایت.

نی محمد صلی الله عالیه وسلم منیعا القرآن درقد ملاٹکه جیریل سخارا برفریشكه ۲، سدیکیت دمی سدیکیت، تردیری درقد براف آیة، اتو کادغ ۲ جوک سورۃ يع فیندیق. القرآن دتوروکن تروس منروس سلما دوا فولوه تیک بلس تاهون دمکه دان سقولوه تاهون دمدينہ سهیغکله ترهیمکن کسومان تیک فولوه جزء. آیة يع ترورون دمکه دنامکن مکیة، دان يع ترورون دمدينہ قول دنامکن مکیة.

القرآن ایت دنامکن جوک وحي درقد الله سبحانه وتعالی. سلاین درقد القرآن، ادو فول براف فرکارا لاین يع جوک دنامکن وحي، سفترت اد کلان وحيو ایت بروف إلام يع دلنقکن الله سبحانه وتعالی ددام هاتی فرا نی، اتو اد کلان دعن میمیشی سفترت میمیشی نی إبراهیم عالیه السلام يع مندافة فرینته الله سبحانه وتعالی سقای مغورنکن فڑان نی إسماعیل عالیه السلام. دمکین جوک وحيو ایت إیاله حدیث ۲ نی اتو سنه رسول الله صلی الله عالیه وسلم يع ملیشوتی سکل فرچاکنن بروغا حکوم، فرینته دان لاراغن رسول الله صلی الله عالیه وسلم. فرمان الله سبحانه وتعالی دالم سورة النجم آیة ۳-۴: تفسیر:

دان ای تيدق مفرکاتکن سسوات يع برهوبوغ دعن آکام إسلام منوروت کماھوان دان فنداقن سندیری. سکل يع دفرکاتکن ایت سعاد


**KEMENTERIAN  
KESIHATAN**
**JUALAN LELONG**

1. ADALAH dengan ini dimaklumkan bahawa satu Jualan Lelong akan diadakan pada tempat, tarikh dan masa yang dinyatakan seperti berikut:-

Tempat Lelong : Bhg Pembelian dan Perbekalan  
Kementerian Kesihatan  
Negara Brunei Darussalam  
Tarikh : 31hb Ogos 2010 ( Hari Selasa )  
Jam : 10.00 Pagi

2. Syarat-syarat Jualan Lelong :-

Barang-barang yang dilelong bolehlah dilihat di tempat yang disediakan.

Pembeli yang berjaya dikehendaki membayar secara tunai pada hari jualan lelong diadakan dan seterusnya memindahkan barang-barang yang telah dibeli tidak lewat tujuh (7) hari dari tarikh pembayaran tersebut. Kegagalan berbuat demikian mengakibatkan pembelian dibatalkan dan wang pembayaran yang sudah dibuat tidak


**JABATAN PERIKANAN  
KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN  
DAN SUMBER-SUMBER UTAMA**
**BILANGAN TAWARAN : JPI/5/2010  
TAJUK : DOCKING AND REPAIR OF K.P  
TEGGIRI**

1. TAWARAN hendaklah dimasukkan dan dialamatkan kepada:-

**Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil,  
Peti Lembaga Tawaran Kecil,  
Kementerian Perindustrian dan  
Sumber-Sumber Utama, Tingkat Bawah,  
Bangunan Kementerian Perindustrian Dan  
Sumber-Sumber Utama,  
Jalan Menteri Besar, BB 3910,  
Negara Brunei Darussalam.**

2. Tawaran hendaklah dihantar **tidak lewat pada hari Selasa, 7 September 2010, jam 2:00 Tengah hari**. Tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup tanpa menunjukkan identiti atau logo pembekal/pemborong, ditulis atas sebelah kiri sampul surat:-

**TAWARAN BAGI:  
“DOCKING AND REPAIR OF K.P  
TEGGIRI”**  
Bilangan Tawaran : JPI/5/2010  
Tarikh Tutup: 7 September 2010  
Jam Tutup: 12:00 tengah hari

4. Untuk penerangan lanjut dan bagi mendapatkan dokumen tawaran, pemohon-

akan dikembalikan.

Untuk keterangan lanjut sila hubungi talian Tel No: 2382763

**SENARAI BARANG-BARANG YANG  
AKAN DILELONG SECARA SEBUT-HARGA**
**BIL JENAMA JENIS DAN MODEL  
BARANG KUANTITY NOMBOR SIRI  
PERALATAN ASET ID JABATAN**

1. MOUSE A4 TECH - 1,
2. KEYBOARD KRE - 8 - TIF - 1,
3. CPU DIGITAL VENTURIS - 1-T29/JTMSN/T29N01/196,
4. CPU DELL OPTIPLEX GXM 5133 - 1-BMENO: 0002718,
5. MONITOR D82HT TRINITRON - 1 - 3862E801,
6. KEYBOARD DIGITAL - 1,
7. PRINTER AMT ACCEL 535 - 1 - 236359,
8. KEYBOARD DELL -1,
9. CPU NICOM -1,
10. UNINTERRUPTABLE POWER PATRIOT PLUS 650 - 1,
11. MONITOR ACER AC1501 - 1 - ES50102001220, 004C1ED00,
12. MONITOR ACER AC 1501 - 1 - ES50102001220, 004F0ED00,
13. PRINTER LEXMARK - 1 - T29/JTMSN/T29N07/118/96 96159.

pemohon boleh menghubungi Seksyen Perancangan dan Kemajuan, Tingkat 3, Ibu Pejabat Jabatan Perikanan, Jalan Menteri Besar, Bangunan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Negara Brunei Darussalam di talian 2383067 Sambungan 2331, atau melayari laman web Jabatan Perikanan; [www.fisheries.gov.bn](http://www.fisheries.gov.bn), dan pembayaran dokumen tawaran di Tingkat I, Seksyen Pentadbiran dan Kewangan, Jabatan Perikanan, Bangunan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Jalan Menteri Besar, Berakas, Negara Brunei Darussalam pada hari bekerja:-

**Izin - Khamis dan Sabtu;  
8:30 pagi - 1:00 petang**

5. Yuran sebanyak **B\$100.00** bagi satu tajuk tawaran adalah dikehendaki dan tidak akan dikembalikan kepada setiap penender.
6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran tidak munasabah.
7. Salinan dokumen-dokumen seperti Pendaftaran Perniagaan, Lesen Rampai, Kad Pengenalan/Pasport dan Daftar Pemilik syarikat hendaklah disertakan semasa mengambil dan menghantar borang tawaran.
8. Dokumen-dokumen tawaran boleh didapati mulai 17 Ogos 2010.
9. Sesi taklimat (*Briefing*) bagi tawaran JPI/5/2010 ini akan diadakan seperti berikut:

**Pada : 24 Ogos 2010 (hari Selasa)  
Jam : 9:00 pagi  
Tempat : Stesen Perikanan Muara**

**NO. PASPORT : 3360248, (NEPAL)  
BERALAMAT: TIDAK DIKETAHUI.**

KAMU adalah dengan ini disaman supaya hadir secara sendiri atau melalui Peguam Syarie kamu di hadapan Mahkamah Rendah Syariah di Daerah Brunei dan Muara pada hari **Rabu, 24 Zulkaedah 1431H/1 November 2010** pada **pukul 9.00 pagi** untuk menjawab tuntutan terhadap kamu oleh plaintif yang dinamakan diatas, bagi **Tuntutan Cerai Fasakh**.

Sila ambil perhatian bahwa jika kamu ingkar di Mahkamah pada hari dan masa yang ditetapkan, Mahkamah boleh meneruskan untuk mendengarkan dan memutuskan kes tanpa kehadiran kamu.

Dan sila ambil perhatian bahwa jika kamu ingin membela diri terhadap tuntutan tersebut, kamu hendaklah memfaiklan di Mahkamah ini dan menyampaikan kepada plaintif suatu pembelaan dalam Borang yang ditetapkan sebelum tarikh yang disebut di atas atau hadir di Mahkamah pada tarikh itu.

Bertarikh pada 17 hb Syaaban 1431H / 29 Julai 2010M

**(METERAI)**

Mahkamah Rendah Syariah,  
Daerah Brunei dan Muara  
Negara Brunei Darussalam

**MUHAMMAD JAGAT BAHRUDIN BIN  
ABDULLAH@MR JAGAT BAHDUR  
LINGDEN**  
- Defendan / Responden

**KEPADAA: MUHAMMAD JAGAT  
BAHRUDIN BIN ABDULLAH@MR  
JAGAT BAHDUR LINGDEN :**


**JABATAN PENERBANGAN  
AWAM  
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN**
**Syarat-syarat tawaran:**

1. SEBUT HARGA adalah untuk “THE REPLACEMENT OF OPERATOR’S HEADSET FOR AIR TRAFFIC CONTROLLER CONSOLE FOR DEPARTMENT OF CIVIL AVIATION”.
2. Sebut harga hendaklah dihantar ke Peti Sebut harga di luar Ibu Pejabat Pengurusan Lapangan Terbang, Tingkat Dua, Bangunan Terminal Penumpang Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, di dalam sampul surat yang tertutup ditulis tanpa menunjukkan identiti atau logo pembekal/pemborong, ditulis dengan

Sebut harga untuk **THE REPLACEMENT OF OPERATOR’S HEADSET FOR AIR TRAFFIC CONTROLLER CONSOLE FOR DEPARTMENT OF CIVIL AVIATION**.

Bilangan Sebut harga: **ATELS/2010/SH-15**  
Tarikh Tutup: **8 September 2010 (hari Rabu)**

Kepada:  
Pengerusi Jawatankuasa Sebut harga, d/a Bangunan Terminal, Tingkat 2, Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, Jabatan Penerangan Awam, Kementerian

Perhubungan,  
Bandar Seri Begawan BB2513  
Negara Brunei Darussalam.

3. Sebut harga-sebut harga hendaklah sampai kepada peti sebutharga **tidak lewat jam 12.00 Tengahhari, hari Rabu, 8 September 2010**. Sebut harga-sebut harga yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

4. Dokumen-dokumen bolehlah didapati dari Pejabat Penerangan Awam, Tingkat 3, Bahagian Perkhidmatan Telekom Penerangan Negara Brunei Darussalam iaitu semasa hari-hari bekerja (Isnin-Khamis dan Sabtu).

5. Penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Bahagian Perkhidmatan Telekom Penerangan, Jabatan Penerangan Awam, Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, Negara Brunei Darussalam.

**Telephone : 2330142 ext 1010  
Fax : 2333666**

6. Salinan Sijil Pendaftaran dan salinan keterangan Bank pemborong/syarikat (Nama Bank, Branch dan Account) hendaklah disertakan bersama.
7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang DiPertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

Perhubungan,  
Bandar Seri Begawan BB2513  
Negara Brunei Darussalam.

**Syarat-syarat tawaran:**

1. SEBUT HARGA adalah untuk “TO SUPPLY, INSTALL & COMMISSIONING OF WALL MOUNTED SPLIT UNIT TYPE AIR-CONDITIONING SYSTEM AT BRUNEI INTERNATIONAL AIRPORT”.

2. Sebut harga hendaklah dihantar ke Peti Sebut harga di luar Ibu Pejabat Pengurusan Lapangan Terbang, Tingkat Dua, Bangunan Terminal Penumpang Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, di dalam sampul surat yang tertutup ditulis tanpa menunjukkan identiti atau logo pembekal/pemborong, ditulis dengan

**Sebut harga “TO SUPPLY, INSTALL & COMMISSIONING OF WALL MOUNTED SPLIT UNIT TYPE AIR-CONDITIONING SYSTEM AT BRUNEI INTERNATIONAL AIRPORT”.**

Bilangan Sebut harga:  
**ATELS/2010/SH-16**  
Tarikh Tutup: **07 September 2010 (hari Rabu) 12.00 tengah hari**

Kepada:  
Pengerusi Jawatankuasa Sebut harga, d/a Bangunan Terminal, Tingkat 2, Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, Jabatan Penerangan Awam, Kementerian

3. Sebut harga-sebut harga hendaklah sampai kepada Peti Sebut harga **tidak lewat jam 12.00 tengah hari, hari Rabu, 7 September 2010**. Sebut harga-sebut harga yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

4. Dokumen-dokumen bolehlah didapati dari Pejabat Penerangan Awam, Tingkat 3, Bahagian Perkhidmatan Telekom Penerangan Negara Brunei Darussalam iaitu semasa hari-hari bekerja (Isnin-Khamis dan Sabtu).

5. Penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Bahagian Perkhidmatan Telekom Penerangan, Jabatan Penerangan Awam, Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, Negara Brunei Darussalam.

**Telephone : 2330142 ext 1010  
Fax : 2333666**

6. Salinan Sijil Pendaftaran dan salinan keterangan Bank pemborong/syarikat (Nama Bank, Branch dan Account) hendaklah disertakan bersama.
7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang DiPertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

**JABATAN PENERANGAN  
JABATAN PERDANA MENTERI**

**PERATURAN PENGIKLANAN DALAM EDISI IKLAN PELITA BRUNEI**

1. IKLAN hendaklah dialamatkan kepada : Penerbit Iklan PELITA BRUNEI , Bahagian akbar, Tingkat 2, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri, Lapangan Terbang Lama Berakas, BB3510, Negara Brunei Darussalam.
2. Rang Iklan hendaklah dimasukkan ke dalam CD menggunakan Microsoft word dengan saiz font 11 ke 12 point, manakala persuratan mengenainya boleh dihantar dalam ‘hard copy’ dan melalui fax:2381004.
3. Iklan hendaklah sampai kepada penerbit dua (2) minggu sebelum tarikh terbit iklan yang dikehendaki.
4. Rang iklan hendaklah dalam Bahasa Melayu menggunakan Sistem Ejaan Rumi baru. Bahasa Inggeris hanya boleh digunakan bagi keskripsi iklan yang dibukakan untuk penyertaan dari luar negeri atau perkara-perkara yang tidak dapat dielakkan.
5. Iklan-iklan hanya akan diterbitkan dua kali, itu pun jika belum sampai kepada tarikh tutup tawaran. Walau bagaimanapun pengeluaran iklan yang diterima adalah tertakluk kepada kekosongan ruangan.
6. Jika perubahan mendadak pada iklan-iklan yang sudah dihantar hendaklah dimaklumkan kepada penerbit tidak lewat pada hari Sabtu sebelum jam 10.00 pagi bagi iklan yang akan diterbitkan pada minggu berikutnya.
7. Sebarang iklan yang hendak ditarik balik (dibatalkan) hendaklah dimaklumkan tidak lewat dari hari Khamis, 11.00 pagi iaitu bagi iklan yang akan diterbitkan pada hari Rabu akan datang.
8. Hanya kementerian-kementerian, jabatan-jabatan kerajaan dan agensi-agensi separuh kerajaan sahaja yang diterima mengiklankan di PELITA BRUNEI.
9. Hanya permohonan iklan-iklan yang mematuhi syarat-syarat dan peraturan ini sahaja yang akan dipertimbangkan.
10. Iklan-iklan juga boleh dihantar terus melalui e-mel: [iklanpelitabrunei@yahoo.com](mailto:iklanpelitabrunei@yahoo.com).



**PASUKAN POLIS DIRAJA  
BRUNEI  
JABATAN PERDANA MENTERI**

PENENDER-PENENDER adalah dipelawa untuk mengemukakan tawaran bagi 1 kerja berikut :

**1. T/044/RBPF-HQ/2010-B (R)  
ALTERATION AND RENOVATION  
WORKS TO THE POLICE STADIUM  
HASANAL BOLKIAH INDOOR  
MULTI-PURPOSE HALL AT POLICE  
HEADQUARTER GADONG,  
BRUNEI DARUSSALAM  
FEE : \$ 30.00 (TIDAK DIKEMBALIKAN)**

- Dokumen tawaran boleh diperolehi daripada Unit Pembelian dan Perbekalan, Bilik 6, Tingkat 2, Ibu Pejabat Polis Gadong pada waktu bekerja iaitu hari **Isnin hingga hari Khamis dari jam 8.00 pagi hingga 11.30 tengah hari dan 1.30 petang hingga 3.00 petang dan hari Sabtu dari jam 8.00 pagi hingga 11.30 tengah hari.**  
Pada bulan puasa waktu bekerja iaitu hari Isnin hingga hari Sabtu dari jam 8.00



**PASUKAN POLIS DIRAJA  
BRUNEI  
JABATAN PERDANA MENTERI**

PENENDER-PENENDER adalah dipelawa untuk mengemukakan tawaran bagi 1 kerja berikut :

**1. T/01/HQ/2009-M (R)  
TO SUPPLY, DELIVERY, AND,  
COMMISSIONING TWO (2) UNITS OF  
PERSONAL WATER CRAFT (JETSKI)  
COMPLETE WITH EQUIPMENTS AND  
FITTINGS AND ONE (1) UNIT  
OF PWC TRAILER (TWIN)  
FEE : \$ 30.00**

**2. T/03/HQ/2010-M (R)  
TO SUPPLY, DELIVERY, AND,  
COMMISSIONING ONE (1) UNITS 4WD  
TRACTOR COMPLETE WITH  
EQUIPMENTS AND FITTINGS  
FEE : \$ 30.00**

- Dokumen tawaran boleh diperolehi daripada Unit Pembelian dan Perbekalan, Bilik 6, Tingkat 2, Ibu Pejabat Polis Gadong pada waktu bekerja iaitu hari Isnin hingga hari Khamis dari jam 8.00 pagi hingga 11.30 tengah hari dan 1.30 petang hingga 3.00 petang dan hari Sabtu



**JABATAN KERJA RAYA  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**NOTIS JUALAN LELONG SECARA  
TERUTUP**

PETI TAWARAN TERTUTUP  
TINGKAT BAWAH  
BANGUNAN JABATAN  
PERKHIDMATAN AIR  
JALAN TASEK LAMA  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Tarikh Tawaran dibuka : **20.9.2010, jam 9.30 pagi**

Tarikh Melihat: **20.9.2010 - 22.9.2010**

Tarikh tutup/Jam: **23.9.2010, jam 2.00 petang**

**Keterangan, Jumlah dan Tempat**



**YAYASAN SULTAN HAJI  
HASANAL BOLKIAH**

PERMOHONAN adalah dipelawa dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan kosong seperti berikut dalam perkhidmatan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah :-

**1. Kerani Kewangan  
Kelayakan Asas:**

- Mempunyai Kelulusan akademik sekurang-kurangnya 4 'O' Level termasuk I matapelajaran akaun atau yang sebanding dengannya.
- Keutamaan akan diberikan kepada calon yang mempunyai pengalaman tiga (3) tahun dalam bidang perkeranian terutama dalam bidang kerja

**pagi hingga 12.00 tengah hari.**

- Tawaran-tawaran hendaklah dihantar ke alamat yang tersebut di bawah dalam sampul surat yang tertutup dengan ditulis bilangan dan nama tawaran tanpa menunjukkan identiti pemberong tidak lewat **jam 2.00 petang, hari Selasa, 14 September 2010** :

**Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil,  
Jabatan Perdana Menteri,  
Block 2-D,  
Jalan Ong Sum Ping, Tingkat 1,  
Bandar Seri Begawan, BS8610  
Negara Brunei Darussalam.**

- Yuran tawaran (*Tender fee*) dikehendaki dibayar dengan **WANG TUNAI** sahaja dan wang tidak dikembalikan. Pembayaran yuran tawaran boleh dibuat pada hari dan waktu bekerja dari jam 8.00 pagi hingga 11.30 pagi di Bahagian Kewangan, Tingkat II, Ibu Pejabat Polis Gadong.
- Penender-penender yang menyertai tawaran ini hendaklah mempunyai Sijil Perniagaan yang masih sah laku dan hendaklah disertakan bersama tawaran.

**dari jam 8.00 pagi hingga 11.30 tengah hari.**

**Pada bulan puasa waktu bekerja iaitu hari Isnin hingga hari Sabtu dari jam 8.00 pagi hingga 12.00 tengah hari.**

- Tawaran-tawaran hendaklah dihantar ke alamat yang tersebut di bawah dalam sampul surat yang tertutup dengan ditulis bilangan dan nama tawaran tanpa menunjukkan identiti pemberong tidak lewat **jam 2.00 petang, hari Selasa, 7 September 2010**:

**Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil,  
Jabatan Perdana Menteri,  
Block 2-D,  
Jalan Ong Sum Ping, Tingkat 1,  
Bandar Seri Begawan, BS8610  
Negara Brunei Darussalam.**

- Yuran tawaran (*Tender fee*) dikehendaki dibayar dengan **WANG TUNAI** sahaja dan wang tidak dikembalikan. Pembayaran yuran tawaran boleh dibuat pada hari dan waktu bekerja dari jam 8.00 pagi hingga 11.30 pagi di Bahagian Kewangan, Tingkat II, Ibu Pejabat Polis Gadong.
- Penender-penender yang menyertai tawaran ini hendaklah mempunyai Sijil Perniagaan yang masih sah laku dan hendaklah disertakan bersama tawaran.

- 25 unit pam-pam dan motor-motor- 25 unit Tempat : Stor Air Sinarubai
- 120 jenis fitting-fitting paip - 1,096 unit Tempat : Stor Air Kiarong
- 43 jenis fitting-fitting paip - 903 unit Tempat : Stor Air Tasek
- 84 unit pam-pam dan mesin-mesin - 84 unit Tempat : Stor Air Sinarubai
- 51 unit perabot dan peralatan/perkakas/ pejabat - 51 unit Tempat: Stor Air Sinarubai
- 93 unit perabot dan peralatan/ perkakas/ pejabat - 93 unit Tempat : Stor Air Tasek.

Keterangan lanjut mengenai jenis-jenis pam-pam, motor-motor, mesin-mesin, fitting-fitting paip dan perabot serta peralatan pejabat tersebut boleh di perolehi di Jabatan Perkhidmatan Air semasa tarikh buka bermula.

perakaunan.  
c)Mahir menggunakan aplikasi komputer seperti Microsoft Word, Excell dan sebagainya.  
d)Boleh menulis dan bertutur dengan baik dan menguturakan buah fikiran dengan jelas dan baik.  
e)Berkesanggupan bekerja di luar waktu pejabat dan di luar daerah.

**Peringatan:**

**Borang permohonan boleh didapati di:-**

**Ibu Pejabat  
Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah  
Jalan Kumbang Pasang  
Gadong BA 1511  
Negara Brunei Darussalam**

Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan dan hendaklah dihantar **tidak lewat dari jam 2.00 petang, hari Selasa pada 14 September 2010**.(dilanjutkan). Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

Yuran Tawaran (*Tender Fee*) bagi tiap-tiap tawaran adalah seperti dinyatakan dan dikehendaki pembayaran dengan WANG TUNAI sahaja (dan yuran tawaran tidak akan dikembalikan). Pembayaran hendaklah dibuat di Bahagian Akaun, Tingkat Bawah Kementerian Kesihatan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan semasa waktu-waktu bekerja.

**Waktu Menerima Bayaran**
**ISNIN - KHAMIS**

**8.00 PAGI - 11.00 PAGI**

**2.00 PETANG - 3.00 PETANG**

**SABTU**

**8.00 PAGI -10.00 PAGI**

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran yang paling rendah atau lain-lain tawaran.

Tawaran adalah dibuka kepada semua pemborong-pemborong dan hendaklah mempunyai kelayakan seperti berikut :-

**Sijil Pendaftaran Perniagaan Yang Masih  
Sahslaku dan Berdaftar dengan  
Kementerian Kesihatan, atau Kementerian  
Pembangunan, manakala bagi  
Pemborong/Pembekal yang menyertai  
tawaran ubat-ubatan (Drug and Medicine)  
mestilah mempunyai Lesen Racun yang sah  
'Poison Act' (Cap. 114)**

Penender yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperolehi atau setelah tutup tawaran akan dikenakan denda selaras dengan peraturan dan garis pandu yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara.

**TAWARAN BIASA**

| BIL<br>TAWARAN      | KETERANGAN  | YURAN<br>TAWARAN | TARIKH TU-<br>TUP<br>Tidak lewat jam<br>2.00 Petang |
|---------------------|---|------------------|---|
| KK/39/2010<br>(RKN) | DESIGN AND BUILD OF THE STATE ME-DICAL AND HEALTH STORE, BRUNEI DARUSSALAM<br>Kelayakan Pembekal/Pemborong :-<br>Berdaftar dengan Kementerian Kesihatan, Ke-menterian Pembangunan<br>Kelas: V keatas Kategori : 1, 2, 5j, 5m, 6g, 7a, 7b dan 7c | \$1,000.00       | 14/9/2010   |


**UNIVERSITI BRUNEI  
DARUSSALAM**
**JAWATAN : Pembantu Teknik**

BAHAGIAN : IV

TANGGAGAJI : D.1-2-3 EB.4-5

JABATAN/KEMENTERIAN : Universiti Brunei Darussalam.

**SYARAT-SYARAT KELAYAKAN**

a. Mestilah terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

b. Mempunyai pengetahuan tentang kerasmian Ugama Islam, Adat Istiadat Negara, Adat Resam dan kebudayaan Orang-Orang Melayu Brunei dan Perkembangan Sosial Ekonomi dan Politik Negera Brunei Darussalam.

c. i. Mempunyai kelulusan BDTVEC/BTEC national Trade Certificate Grade 2 (NTC2) dalam bidang Elektrik/Mekanikal/Building Service/Automotives atau kelulusan sebanding dalam bidang yang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang berseuaian yang lebih tinggi adalah merupakan satu kelebihan.

**ATAU**

ii. Mempunyai kelulusan dengan kepujian/kredit empat (4) mata pelajaran Sijil Am Pelajaran peringkat Biasa yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Universiti Brunei Darussalam.

iii. Telah berkehidmat dalam perkhidmatan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagai Pembantu Teknik Pelatih/Pelatih Pembantu Teknik/Tradesman atau jawatan yang sebanding tidak kurang 3 tahun.

d. Berkebolehan membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dengan baik.

**SYARAT-SYARAT LAIN**

d. Syarat-syarat lain adalah dikawal oleh peraturan-peraturan yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa.

**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB**

a. Merancang dan menyelia kerja-kerja harian bagi semua kaktangan di bawah jagaanya.

1. Bertanggungjawab kepada Pembantu Teknik Kanan dalam kerja berikut:


**JABATAN DAERAH TUTONG**
**PENCALONAN BAGI MENGISIKAN JAWATAN -JAWATAN KOSONG SEBAGAI KETUA KAMPUNG DI DAERAH TUTONG**

JABATAN Tutong dengan suka cipta mempelawa/ menjemput penduduk-penduduk yang bermastautin di kawasan Kampung yang berkenaan untuk menghadapkan pencalonan bagi mengisikan Jawatan Ketua-Ketua Kampung di Jabatan Daerah Tutong, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam seperti berikut:-

1. Ketua Kampung Bukit Panggal.
2. Ketua Kampung Pengakalan mau/Bekiau.
3. Ketua Kampung Rambai
4. Ketua Kampung Pancor.
5. Ketua Kampung Penapar
6. Ketua Kampung Lamunin
7. Ketua Kampung Batang Mitus dan Kebia.
8. Ketua Kampung Panchong

Tanggagaji : C1-EB2 iaitu \$1,280.00 hingga \$1,930.00(Menurut Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bil:5/1999, Negara Brunei Darussalam bertarikh 13 Zulkaedah 1419 bersamaan 02 Mac 1999).

**KELAYAKAN CALON KETUA KAMPUNG :-**

1. Setiap Calon Ketua Kampung hendaklah :-

a. Seorang lelaki yang terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

b. Sekurang-kurangnya mempunyai kelulusan pelajaran di Peringkat Tingkatan 3 atau kelulusan yang sebanding dengannya.

c. Bermastautin di kampung yang berkenaan tidak kurang dua [2] tahun sebelum atau pada tarikh pencalonannya. Bermastautin adalah bermaksud bahawa calon Ketua Kampung hendaklah benar-benar tinggal di kampung yang berkenaan dalam tempoh yang dikehendaki di mana calon mempunyai tempat kediaman dan mendiami tempat tersebut.

d. Berumur tidak kurang 30 tahun dan tidak melebihi 60 tahun pada tarikh pencalonannya.

e. Mempunyai pengetahuan yang baik dalam Ugama Islam, kemasyarakatan dan adat resam setempat yang lazimnya diamalkan oleh masyarakat kampung berkenaan.

a. Pemeliharaan Elektrik dan hawa Dingin di bangunan dan fasilitas Universiti Brunei Darussalam.

b. membuat pemeriksaan dan menyediakan tempahan kerja yang akan dilaksanakan oleh pemborong.

c. Pengawasan kerja-kerja yang dilaksanakan oleh pemborong dan kakitangan bawahan.

d. Menyedaikan aturcara kerja letrik dalam pemasangan baru, pengubahsuaian dan pembaikan.

1. Borang P1 boleh didapat di Pejabat Pentadbiran Bahagian Perjawatan, Universiti Brunei Darussalam, Negara Brunei Darussalam dan dikembalikan ke tempat penghantaran borang permohonan yang disebutkan bersama-sama dengan salinan sijil-sijil, surat-surat akuan yang lengkap dan diakui sah.

2. Semua kelulusan, sijil-sijil kecekapan, peperiksaan yang dikendalikan oleh badan-badan profesional yang dihadapkan bersama borang permohonan hendaklah diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

3. Pegawai-pegawai Kerajaan dan termasuk pemohon dalam perkhidmatan bergaji hari hendaklah menghadapkan permohonan tersebut melalui Ketua Jabatan dikehendaki menyatakan:-

- a. Laporan Sulit mengenai peribadi dan mutu kerja pemohon.
- b. Tahap Penilaian Prestasi bagi tempoh 3 tahun kebelakangan hendaklah disertakan.
- c. Rekod Perkhidmatan.

Tahap Penilaian Prestasi pegawai-pegawai kerajaan sekurang-kurangnya SANGAT BAIK bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.

**Pemohonan yang diterima lewat daripada 16 September 2010 tidak akan dilayan.**

6. Pemohon boleh mendapatkan maklumat seperti syarat kelayakan serta tugas dan tanggungjawab jawatan berkenaan di Pejabat Pentadbiran Bahagian Perjawatan.

**TEMPAT MENGHANTAR**
**BORANG PERMOHONAN**

PENDAFTARAN DAN SETIAUSAHA  
UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM  
UP: BAHAGIAN PERJAWATAN  
JALAN TUNGKU LINK, GADONG BS1410  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**TARIKH TUTUP IKLAN: 16 September 2010**

f. Tidak menjadi ahli atau tidak terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung di dalam sebarang pertubuhan siasah yang difikirkan boleh menjelaskan kepentingan atau keselamatan Negara.

g. Mempunyai perwatakan, ketokohan dan sifat-sifat kepimpinan yang baik dan berseuaian sebagai seorang pemimpin mengikut amalan kehidupan orang-orang Brunei serta bersikap pemedulian

h. Tidak pernah diisyitarkan muflis di bawah Undang-Undang yang diaktaukan di negara ini dalam tempoh dua [2] tahun sebelum pencalonannya, termasuk pada tarikh pencalonan melainkan sebelum itu pengisyitaran muflis telah dibatalkan oleh Mahkamah.

i. Mempunyai rekod prestasi kerja yang baik dan memuaskan bagi calon yang berkerja samada dipihak Swasta/Kerajaan dan hendaklah menyertakan laporan prestasi kerja bagi tempoh 3 tahun kebelakangan

2. Calon yang terdiri daripada Pegawai Kerajaan akan dipersarakan jika sebagai Ketua Kampung dan akan menikmati faedah dari jawatanya seperti yang tetapkan dalam Akta Pencen.

3. Calon yang terdiri daripada ahli Perniagaan atau Pengusaha apabila dilantik menjadi Ketua Kampung boleh meneruskan perniagaan atau perusahaannya menurut syarat-syarat yang ditentukan oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

4. Pencadang dan Penyokong-Penyokong seorang calon Ketua Kampung hendaklah terdiri daripada warganegara atau penduduk tetap Negara Brunei Darussalam dan tinggal bermastautin di kampung yang berkenaan. Calon pencadang dan penyokong-hendaklah mendatangkan borang pencalonan. Borang pencalonan berkenaan hendaklah dilengkapkan sepenuhnya sebelum dihadapkan ke Unit Pentadbiran, Bahagian Institusi Penghulu Mukim dan Ketua Kampung, Jabatan Daerah Tutong.

Lain-lain syarat adalah tertakluk kepada Skim Perkhidmatan Penghulu dan Ketua Kampung Negara Brunei Darussalam 1998 (Syarat-Syarat Lantikan dan Perkhidmatan Ketua Kampung).

**Tatacara menghadapkan borang pencalonan :**

Keterangan lanjut dan borang pencalonan boleh didapat dan dikembalikan ke alamat seperti berikut:-

Unit Pentadbiran

Bahagian Institusi Penghulu Mukim dan Ketua Kampung, Jabatan Daerah Tutong, Negara Brunei Darussalam.

Borang pencalonan adalah dikembalikan tidak lewat pada **hari Sabtu, 25 September 2010, jam 3.00 petang**.


**UNIVERSITI BRUNEI  
DARUSSALAM**
**JAWATAN : Pegawai Teknologi Pendidikan**

BAHAGIAN : II

TANGGAGAJI : UB.1 atau UB.1 EB.2

JABATAN/KEMENTERIAN : Universiti Brunei Darussalam.

**SYARAT-SYARAT KELAYAKAN**

a. Mestilah terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

b. Mempunyai pengetahuan tentang kerasmian Ugama Islam, Adat Istiadat Negara, Adat Resam dan kebudayaan Orang-Orang Melayu Brunei dan Perkembangan Sosial Ekonomi dan Politik Negera Brunei Darussalam.

**BAGI TANGGAGAJI UB.1**

c. i. Memiliki Diploma Tertinggi Kebangsaan (Higher National Diploma) dalam bidang Teknologi Pendidikan atau Teknologi Maklumat dan diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Universiti Brunei Darussalam serta telah berkehidmat dalam tanggagaji C.3 dalam jawatan berkaitan selama tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

Mempunyai kelulusan yang berseuaian yang lebih tinggi adalah merupakan satu kelebihan. ATAU

ii. Telah berkehidmat di Universiti Brunei Darussalam sebagai Penolong Penyelia Pusat Penyelidikan Luar dalam tanggagaji C.3 selama tidak kurang dari 7 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan. ATAU

iii. Telah berkehidmat dalam perkhidmatan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam tanggagaji C.3 selama tidak kurang dari 9 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

**BAGI TANGGAGAJI UB.1 EB.2**

c. Memiliki Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Teknologi Pendidikan yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. (Selepas ini di panggil Kerajaan).

2. Semua kelulusan, sijil-sijil kecekapan, peperiksaan yang dikendalikan oleh badan-badan profesional yang dihadapkan bersama borang permohonan hendaklah diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Mempunyai kelulusan yang berseuaian yang lebih tinggi adalah merupakan satu kelebihan.

d. Pegawai yang sedang berkehidmat dalam perkhidmatan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mestilah mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap yang SANGAT BAIK bagi tempoh 3 tahun kebelakangan. Mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap CE-MERLANG dan mendapat sokongan yang kuat dari Setiausaha Tetap atau Ketua Jabatan adalah merupakan satu kelebihan.

**SYARAT-SYARAT LAIN**

c. Hendaklah bersetia bertugas pada bila-bila masa termasuk di luar masa pekerjaan biasa dan di mana-mana sahaja dikehendaki sebagaimana yang diarahkan.

d. Syarat-syarat lain adalah dikawal oleh peraturan-peraturan yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa.

**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB**

a. Memasang dan mengendalikan pelbagai jenis peralatan alat pandang dengan (media elektronik dan bukan elektronik) dan juga perkakas tambahan (accessories) untuk penerbitan, pengajaran, penyelidikan dan persembahan.

**TEMPAT MENGHANTAR**
**BORANG PERMOHONAN**

c. Memastikan pemeliharaan dan pembaikan kesemua jenis peralatan alat pandang dengan untuk penerbitan, pengajaran, penyelidikan dan persembahan.

c. Memberikan khidmat nasihat dalam mereka bentuk bahan-bahan sumber pengajaran dan pembelajaran (seperti dalam penerbitan audio, video dan multimedia).

d. Merancang, menerbitkan dan menghasilkan program-program video, membuat salinan dan sunting atas permintaan pengguna.

e. Bertanggungjawab dalam pengeluaran resit, menyemak dan mengawas keselamatan kesemua alat pandang dengan reka bentuk grafik fotografi dan peralatan berkaitan dengannya, peralatan/perkaks tambahan, perisian (software) dan bahan-bahan lain.

f. Melaksanakan tugas-tugas yang diarahkan oleh ketua Pusat Teknologi Pendidikan dan pihak-pihak berkaitan dengannya, peralatan/permulaan.

g. Mencipta dan mereka bentuk buku-buku konvolesyen, laporan tahunan, propekus "Handbooks", program seminar dan persidangan dalam dan luar negeri.

h. Memberikan perhatian kepada buku-buku atau risalah-risalah yang dibuat oleh pensyarah-pensyarah dan para pegawai yang bertugas di UBD dari segi 'Lay-out' dan penghasilan.

i. Bertanggungjawab keatas kakitangan di bahagian percetakan dalam pemeliharaan mesin-mesin cetak, mikro komputer, mesin-mesin penjilid dan sebagainya.

j. membantu para pensyarah menyediakan nota-nota kuliah dalam percetakan dan penjilid dan untuk diukur.

**k. Membantu para pelajar yang mengadakan pameran-pameran di dalam seminar kebangsaan dan antarbangsa dari segi lay-out dan percetakan.**
**PEMBERITAHUAN**

1. Borang P1 boleh didapat di Pejabat Pentadbiran Bahagian Perjawatan, Universiti Brunei Darussalam, Negara Brunei Darussalam dan dikembalikan ke tempat penghantaran borang permohonan yang disebutkan bersama-sama dengan salinan sijil-sijil, surat-surat akuan yang lengkap dan diakui sah.

2. Semua kelulusan, sijil-sijil kecekapan, peperiksaan yang dikendalikan oleh badan-badan profesional yang dihadapkan bersama borang permohonan hendaklah diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. (Selepas ini di panggil Kerajaan).

3. Pegawai-pegawai Kerajaan dan termasuk pemohon dalam perkhidmatan bergaji hari hendaklah menghadapkan permohonan tersebut melalui Ketua Jabatan dikehendaki menyatakan:-

**DI DALAM MAHKAMAH  
TINGGI  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**KEBANKRAPAN NO. 715 TAHUN 2009**

**HSBC FINANCE(B) BERHAD**  
... Pemutang Penghakiman/Pemetisyen  
Vs

**KERUDIN BIN KARIM**  
**BYIC No. 070870**

... Penghutang Penghakiman/Penentang

**NOTIS PERINTAH PENERIMAAN**

Sila ambil perhatian bahawa:  
Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **3 Julai 2010**.

Nama dan alamat terakhir diketahui:

**KERUDIN BIN KARIM**

No. 13 Simpang 46-21, Jalan Kelugos, Kampung Lumapas'A', Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Petisyen : **6 Mei 2009**.

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK  
PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **3 Julai 2010**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan Pemutang-pemutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada **1 September 2010, jam 10.30 pagi**.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **1 September 2010, jam 10.30 pagi**.

Bertarikh: **24 Julai 2010**

**KEBANKRAPAN NO. 558 TAHUN 2009**

**STANDARD CHARTERED BANK**  
... Pemutang Penghakiman/Pemetisyen  
Vs

**HAPSAH BINTI A.MANAP**  
**BYIC No. 00-070325**

... Penghutang Penghakiman/Penentang

**NOTIS PERINTAH PENERIMAAN**

Sila ambil perhatian bahawa:  
Satu perintah penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **3 Julai 2010**.

Nama dan alamat terakhir diketahui:

**HAPSAH BINTI A.MANAP**

No. 18, Simpang 43-28, STKRJ Lorong 3, Selatan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Petisyen : **10 Mei 2010**.

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK  
PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **3 Julai 2010**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan Pemutang-pemutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada **1 September 2010, jam 9.00 pagi**.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **1 September 2010, jam 9.00 pagi**.

Bertarikh : **24 Julai 2010**

**KEBANKRAPAN NO. 51 TAHUN 2010**

**PERBADANAN TABUNG AMANAH ISLAM  
BRUNEI BERHAD**  
... Pemutang Penghakiman/Pemetisyen  
Vs

**MASLI BIN DARUS**  
**BYIC No. 00-258299**

... Penghutang Penghakiman/Penentang

**NOTIS PERINTAH PENERIMAAN**

Sila ambil perhatian bahawa:  
Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **1 Julai 2010**.

Nama dan alamat terakhir diketahui:

**MASLI BIN DARUS**

No. 12, Simpang 22,  
Jalan Bedil Terunjing Berakas BB1314,  
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Petisyen : **6 Mei 2010**.

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK  
PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **1 Julai 2010**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan Pemutang-pemutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada **1 September 2010, jam 9.45 pagi**.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **1 September 2010, jam 9.45 pagi**.

**KEBANKRAPAN NO. 98 TAHUN 2010**

**BAIDURI FINANCE BERHAD**

... Pemutang Penghakiman/Pemetisyen

Vs

**HAJI SUWIRA BIN HAJI ABAS**

**BYIC No. 00-129203**

... Penghutang Penghakiman/Penentang

**NOTIS PERINTAH PENERIMAAN**

Sila ambil perhatian bahawa:

Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **24 Jun 2010**.

Nama dan alamat terakhir diketahui:

**HAJI SUWIRA BIN HAJI ABAS**

Lot. 4617, No. 315, Simpang 309, Kampung Sungai Taring, Lumut Belait KC3135 Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Petisyen : **10 Mei 2010**.

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK  
PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **24 Jun 2010**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan Pemutang-pemutang mengenai perkara diatas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada **25 Ogos 2010, jam 10.15 pagi**.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **25 Ogos 2010, jam 10.15 pagi**.

Bertarikh : **2 Ogos 2010**

**KEBANKRAPAN NO. 2 TAHUN 2010**

**CHOW HOONG FOO**

... Pemutang Penghakiman/Pemetisyen

Vs

**HAJI RUSHDI EL-HAKIM BIN DATO SERI**

**SETIA HAJI IBRAHIM**

**BYIC No. 00-279914**

... Penghutang Penghakiman/Penentang

**NOTIS PERINTAH PENERIMAAN**

Sila ambil perhatian bahawa:

Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **5 Jun 2010**.

Nama dan alamat terakhir diketahui:

**HAJI RUSHDI EL-HAKIM BIN DATO SERI**

**SETIA HAJI IBRAHIM**

Unit 10, 2nd floor, I Centre, Block B28, Simpang 32-37, Kampung Anggerek Desa, Jalan Berakas, BB3713, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Petisyen : **17 Mac 2010**.

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK  
PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **5 Jun 2010**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan Pemutang-pemutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada **7 September 2010, jam 2.30 pagi**.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **22 September 2010, jam 2.30 pagi**.

Bertarikh : **14 Julai 2010**

**KEBANKRAPAN NO. 101 TAHUN 2010**

**BIBD AT-TAMWIL BERHAD**

... Pemutang Penghakiman/Pemetisyen

Vs

**PG MD SHAFUDIN BIN PG AHMAD**

**Warrant Card No. 129296K**

... Penghutang Penghakiman/Penentang

**NOTIS PERINTAH PENERIMAAN**

Sila ambil perhatian bahawa:

Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **12 Jun 2010**.

Nama dan alamat terakhir diketahui:

**PG MD SHAFUDIN BIN PG AHMAD**

Block 'D' No. 15, JSKLL, Police Gadong BE1718, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Petisyen : **3 Mei 2010**.

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK  
PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **12 Jun 2010**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan Pemutang-pemutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada **22 September 2010, jam 2.00 petang**.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **22 September 2010, jam 2.00 petang**.

Bertarikh : **14 Julai 2010**

**KEBANKRAPAN NO. 404 TAHUN 2008**

**STANDARD CHARTERED BANK**

... Pemutang Penghakiman/Pemetisyen

Vs

**HAJJAH BINTI MD SALLEH**

**BYIC No. 00-056076**

... Penghutang Penghakiman/Penentang

**NOTIS PERINTAH PENERIMAAN**

Sila ambil perhatian bahawa:

Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **24 Jun 2010**.

Nama dan alamat terakhir diketahui:

**HAJJAH BINTI MD SALLEH**

No. 66, Simpang 120-48-35-28 STKRJ Kampung Mumong, Kuala Belait, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Petisyen : **25 Disember 2008**.

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK  
PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **24 Jun 2010**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan Pemutang-pemutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada **21 September 2010, jam 3.00 petang**.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **21 September 2010, jam 3.00 petang**.

**KEBANKRAPAN NO 521 TAHUN 2009**

**BAIDURI BANK BERHAD**

... Pemutang Penghakiman/Pemetisyen

Vs

**SUHAIMI BIN HAJI MOHD SAID**

**BYIC No.00- 078833**

... Penghutang Penghakiman/Penentang

**NOTIS PERINTAH PENERIMAAN**

Sila ambil perhatian bahawa:

Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **19 Jun 2010**.

Nama dan alamat terakhir diketahui:

</div

## Dari Meja Perhubungan Awam Pasukan Polis Diraja Brunei

# Sejarah Pasukan Polis Diraja Brunei

**S**EJARAH Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) bermula pada tahun 1906 dengan dua orang anggota polis, seorang berbangsa Pathan dan seorang berbangsa Sikh. Di akhir tahun tersebut tiga orang berbangsa Melayu menyertai pasukan tersebut. Pada tahun berikutnya dari hanya dua orang, Pasukan Polis Brunei telah bertambah bilangan anggotanya menjadi empat orang pegawai yang tidak bertauiah dan 24 orang Mata-mata. Pasukan tersebut telah diletakkan di bawah kawalan *British Resident*. Ia terdiri daripada anggota-anggota polis Sikh dan Melayu yang dipinjam daripada Pasukan Negara-negara Selat yang berpangkalan di Labuan.

Pada tahun 1909 seorang Inspektor British S.G.Crummy telah dilantik dan mengambil alih Kawalan Pasukan Polis Brunei (PPB). Dalam tahun 1916 kekuatan PPB telah bertambah menjadi bilangan bangsa Sikh seramai 13 orang dan bilangan bangsa Melayu seramai 20 orang. Pada tahun 1917 Inspektor S.G.Crummy telah digantikan oleh Ketua Inspektor G.C.Mc Afee.

Pada tahun 1923 tanggungjawab pasukan polis telah diperluaskan dengan tambahan tugas-tugas bomba, penjara, imigresen, pendaftaran kenderaan-kenderaan bermotor, pengeluaran lesen-lesen memandu dan kedai runcit, pendaftaran orang-orang asing dan pengeluaran surat-surat kebenaran bermastautin.

Pada tahun yang sama juga seorang sarjan tempatan yang pertama telah dihantar ke Singapura untuk menjalani latihan.

Sepanjang Perang Dunia Kedua ketika tentera Jepun menduduki Brunei daripada 1942 hingga 1945, PPB terus menjalankan tugas-tugas mereka di bawah Pentadbiran Tentera Jepun.

Dalam tahun 1950 Ibu Pejabat Brunei berpindah ke Kuala Belait dan Ketua Polis pada masa itu telah diletakkan di bawah Pemerintahan Pesuruhjaya Polis Sarawak.

Pada tahun 1950 walaupun bilangan jenayah pada waktu itu kecil, sebuah Jabatan Penyiasatan Jenayah atau CID telah ditubuhkan. Begitu juga dengan kesalahan lalu lintas dan korban kejadian jalan raya.

Pada tahun 1951 PPB telah memulakan sekolah latihannya sendiri di Seria. Pengambilan rekrut-rekrut tempatan hanya seramai 20 orang. Disebabkan kekurangan pegawai-pegawai untuk mengendalikannya, maka rekrut-rekrut tersebut telah dihantar ke Kuching, Sarawak untuk menjalani latihan asas selama enam bulan.

Dari tahun 1954 hingga 1967 ramai anggota-anggota polis Brunei telah menghadiri latihan di Malaysia, seperti Kursus Cawangan Khas, rekrut, Inspektor Percubaan di Kuala Lumpur dan Kuala Kubu, dan Kursus Polis Laut di Tampoi, Johor.

Pada tahun 1955, Pengiran Jaya bin Pengiran Haji Rajid telah menjadi pegawai tempatan yang pertama dilantik sebagai Pegawai Pemerintah

Daerah Polis Brunei. Dalam bulan September 1956, beliau telah dinaikkan pangkat menjadi Timbalan Penguasa Polis.

Pada tahun 1957, Pasukan Pancaragam Polis Brunei telah ditubuhkan. Pengarah Pancaragam yang pertama ialah R.E.House.

Pada 1 Julai 1958, Jabatan Imigresen telah ditubuhkan sebagai sebuah jabatan yang berasingan dan anggota-anggota polis yang di bahagian imigresen diteruskan bekerja di jabatan itu sebagai kakitangan awam.

Dengan pengisytiharan perlembagaan oleh Kerajaan Brunei pada 29 September 1959 beberapa perubahan telah berlaku dan seorang Pesuruhjaya Polis telah dilantik bagi PPB.

Pada tahun 1960, Jabatan Pengangkutan Darat telah menjadi sebuah jabatan berasingan, manakala pada tahun 1961 Pasukan Bomba telah ditubuhkan menjadi sebuah jabatan yang berasingan.

Pada tahun yang sama PPB telah menubuhkan Pasukan Simpanan Bergerak bagi menggantikan Platoon Pasukan Medan Sarawak atau *Field Force Platoon*. Seorang pegawai dari Malaya telah dipinjamkan dan pembantunya adalah seorang anak tempatan iaitu Sarjan Awangku Omar bin Pengiran Haji Apong. (Yang Amat Mulia Pengiran Putera Negara Pengiran Haji Omar bin Pengiran Datu Penghulu Pengiran Haji Apong).

Dalam bulan Disember 1961, PPB walaupun pada ketika itu hanya mempunyai kekuatan kurang lebih seramai 500 orang telah dapat memberi khidmat bakti dan menumpukan taat setia kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Pemberontakan Bersenjata telah dilancarkan oleh Tentera Nasional Kalimantan Utara (TNKU). Daripada lapan buah Balai Polis, enam buah telah ditawan, kecuali Ibu Pejabat Polis Daerah Belait dan Balai Polis Pekan Brunei masih dapat bertahan. Dalam pembertonan tersebut seramai empat orang anggota polis telah terkorban dalam mempertahankan Balai-balai polis di bawah jagaan mereka. Keattaan dan ketekunan terhadap tugas yang di perlakukan oleh semua anggota pasukan dan kakitangan awam adalah sangat-sangat dihargai. Ketika itu tidak ada Pasukan Bersenjata selain daripada PPB.

Pada 23 September 1965, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Laulana Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam (Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien) telah berkenan untuk menganugerahkan gelaran *Diraja* kepada Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB).

Dalam tahun 1967, Sekolah Latihan Polis telah ditubuhkan di Jalan Berakas Brunei dan latihan dalam berbagai-bagai aspek telah diberikan kepada anggota-anggota dari Rekrut hingga ke Pangkat Pegawai. Di samping latihan itu, anggota-anggota PBB juga dihantar ke negara-negara:



- a) United Kingdom;
- b) Malaysia;
- c) Singapura;
- d) Hongkong;
- e) Australia;
- f) Amerika Syarikat;
- g) Indonesia;
- h) Jepun.

Pada tahun 1971, ulang tahun Ke-50 PDB telah diraikan dan pada tahun itu juga Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah berkenan menjadi Inspektor General Polis Diraja Brunei. Panji-panji Diraja dianugerahkan oleh baginda pada 14 Ogos 1971. Pasukan Simpanan telah ditambah keramaianya dengan mengadakan Kompeni Keadaan iaitu Pasukan Simpanan 'B' Kompeni.

Pada tahun 1974, pengambilan Polis Wanita telah dilaksanakan di mana Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna menjadi Komandan Unit Polis Wanita.

Pada tahun 1975, Unit Polis Wanita telah ditubuhkan dan kumpulan pengambilan pertama telah menjalani latihan asas rekrut polis di Pusat Latihan Polis, Jalan Aman, Bandar Seri Begawan.

Pada tahun yang sama juga pegawai tempatan pertama iaitu Pengiran Dato Utama Pengiran Jaya bin Pengiran Haji Rajid (dikenali sebagai Yang Amat Mulia Pengiran Setia Raja Pengiran Haji Jaya bin Pengiran Haji Rajid) dilantik menjadi Pesuruhjaya Polis.

Pada tahun 1981 pula, seorang lagi pegawai

tempatan iaitu Yang Amat Mulia Pengiran Putera Negara Pengiran Omar bin Pengiran Datu Penghulu Pengiran Haji Apong, telah dinaikkan pangkat menjadi Timbalan Pesuruhjaya Polis dan pada waktu beliau memegang jawatan inilah semua pegawai-pegawai asing telah ditamatkan perkhidmatan mereka dengan PDB kecuali dua orang pakar.

### VISI

'Bersama ke arah keamanan dan keselamatan yang berkekalan'

### MISI

'Untuk mendukung undang-undang dan megekalkan ketenteraman menurut kuasa yang diberikan oleh mana-mana undang-undang ber tulis negara'

### NILAI TERAS PASUKAN

Berkecuali

Beretika

Berintegriti

Bertanggungjawab

Menghormati Hak Asasi Manusia

Mendukung Nilai Melayu Islam Beraja

### MATLAMAT ASAS DAN FUNGSI

### MATLAMAT ASAS PASUKAN

- Untuk memastikan keselamatan dan ke sejahteraan rakyat serta masyarakat dan

- Untuk menguatkuasakan undang-undang negara bagi menggalakkan keadilan, kestabilan dan pembangunan.



## 10 restoran, 17 syarikat pengeluar makanan diberikan sijil halal

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 26 Ogos. - Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Bahagian Kawalan Makanan Halal, Jabatan Hal Ehwal Syariah selaku urusetua kepada Majlis Ugama Islam Negara Brunei Darussalam dalam hal-hal yang berkaitan dengan Akta Daging Halal penggal 183 dan Perintah Sijil Halal Dan Label Halal 2005, memaklumkan kepada orang ramai bahawa restoran-restoran yang disebutkan di bawah telah diberikan Sijil Halal setelah selesai diaudit dan disahkan Halal.

Menurut Siaran Akhbar KHEU, restoran-restoran yang telah diberikan Sijil Halal dan yang telah selesai diaudit disahkan Halal adalah Royal Brunei Catering Airport, Express

Royal Brunei Catering Airport, Seasons Restaurant (RBC Sdn. Bhd.), Centrepoint Gadong, RBC Express Cafe' Sungai Tilong, Terindak D'Polo, Kelab Polo Jerudong, Terindak D'Seni, Bangunan Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan Brunei, Aneka Rasa Restaurant Kampung Kiulap, Ayat Restaurant, Kampung Mata-Mata Gadong, Fratin's Restaurant Centrepoint Gadong, Excellent Taste, Gadong Properties.

Siaran tersebut juga memaklumkan beberapa syarikat juga diberikan permit halal ke atas produk-produk makanan keluaran mereka.

Senarai syarikat yang diberikan permit halal ke atas produk-produk makanan keluaran me-

reka adalah Seri Pakatan Sdn. Bhd., Marimin Shd. Bhd., Usaha Osra, Sahamada Corporation Sdn. Bhd., TMM Processing Sdn. Bhd., Noraini Bakery, BMC Food Industries Sdn. Bhd., Syarikat Haji Mat Jali bin Lamit dan Anak-anak, Sabli Food Industries Sdn. Bhd., RBC Aircraft, PDS Meat Industries Sdn. Bhd., Bakerlyn Cake House, Perusahaan D.H.Y.Z. dan Anak-anak, Restaurant Cepat Jaya (Kuih Jala), Syarikat Kingston Beverages and Creamery, Syarikat Nikmat Rose, Syarikat Perniagaan Haji Sulaiman bin Haji Abu Bakar.

Sehubungan dengan itu, mereka yang berhasrat mendapatkan sijil halal dan permit halal bagi tempat perniagaan dan produk-produk ma-

kanan, bolehlah mengisikan borang permohonan yang boleh didapati di Bahagian Kawalan Makanan Halal, Jabatan Hal Ehwal Syariah, Tingkat 2, Jalan Elizabeth II, Bangunan Kementerian Hal Ehwal Ugama (Lama), Bandar Seri Begawan, BS 3510, Negara Brunei Darussalam.

Sebarang keterangan lanjut mengenainya boleh berhubung terus kepada alamat tersebut atau melalui talian telefon (673) 2242565 – 72 smb. 106 / 107 / 115 / 158 / 163 / 164 (Pejabat), Faks (673) 223106 atau di cawangan Daerah Tutong (673) 4221486 (Pejabat), Faks (673) 4221028, Daerah Belait (673) 3334347 dan Daerah Temburong (673) 5222034 atau melalui hotline: (673) 8844406.



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong menyampaikan sijil kepada seorang graduan Majlis Doa Kesukuran Bagi Pelajar-pelajar Biasiswa Kerajaan Ke Luar Negeri yang telah menamatkan pengajian pada tahun 2010, berlangsung di Royal Brunei Polo and Riding Club. - Foto : Abdullah Haji Awang Damit.

### MENGETENGAKAN HASIL PELUKIS TEMPATAN

#### Dari muka 1

Keberangkatan tiba Yang Teramat Mulia di Kompleks Yayasan Sultan Haji Hasanal Bolkiah (YSHHB) dijunjung oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Paduka Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah, Yang Mulia Datin Hajah Adina bin Haji Osman, Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Setiausaha-Setiausaha Tetap kementerian berkenaan, Dato Paduka Haji Jemal bin Haji Ampal dan Dato Paduka Awang Haji Mohd. Hamid bin Haji Mohd Jaafar.

Yang Teramat Mulia yang juga merupakan sebagai Penaung Diraja Brunei Art Forum berkenaan menyaksikan hasil-hasil seni pelukis-pelukis muda dan veteran yang dipamerkan di galeri berkenaan. Di samping menyaksikan, Yang Teramat Mulia juga berkenan beramah mesra dan berinteraksi dengan artis-artis tempatan yang memperkenan hasil seni mereka di galeri tersebut.

Selain itu Yang Teramat Mulia juga berkesempatan mencuba bakat dengan melukis sesuatu objek di atas kanvas di galeri berkenaan.

Tidak syak lagi, pelancaran tersebut menandakan pengiktirafan kepada para artis tempatan untuk bergiat aktif pada setiap hujung minggu iaitu pada setiap hari Sabtu dan Ahad di kompleks berkenaan.

**GALERI ini seperti yang diharapkan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan setentunya akan dapat mendidik orang awam tentang mustahaknya seni terutamanya bidang lukisan sebagai salah satu budaya.**

Galeri ini seperti yang diharapkan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan setentunya akan dapat mendidik orang awam tentang mustahaknya seni terutamanya bidang lukisan sebagai salah satu budaya.

Pelancaran hari ini melibatkan beberapa badan, persatuan dan individu yang bergiat aktif dalam bidang seni khususnya lukisan seperti Persatuan Pelukis-Pelukis Brunei Darussalam, Brunei Art Forum dan Generation Kelima Artis, Muzium Brunei, Rainforest Gallery, Modern Youth, Pusat Tingkatan Enam Meragang dan pelukis-pelukis individu seperti Galeri Haji Fadzil, Galeri Usman Umar, Galeri Kassim dan Galeri Rosli.

Sempena pelancaran itu pelbagai aktiviti diadakan yang merangkumi pameran lukisan, jualan lukisan, melukis masjid, membuat batik, face painting, ukiran inai, kaligrafi, lukisan minyak, pensil dan arang.

#### Dari muka 1

### Graduan memperoleh Kelas Pertama meningkat

Menteri Pendidikan berharap kejayaan pelajar-pelajar ini akan dapat menyuntik semangat pelajar-pelajar yang masih belajar di universiti-universiti ketika ini mahu pun yang masih berada di sekolah menengah di negara ini.

"Ia akan dapat menjadi contoh tauadan bahawa graduan-graduan yang mendapat *performance* yang baik dan ini akan menjadi *role model* kepada adik-adik graduan yang masih lagi belajar di sekolah-sekolah menengah," ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat juga menyeru para graduan agar berusaha mengubah sikap dan menunjukkan sikap sebagai seorang dewasa dan sebagai pelajar yang *senior*, yang perannya bukan sahaja untuk mengikuti pengajian masing-masing tetapi dalam waktu yang sama untuk membantu adik pelajar-pelajar lain atau *undergraduate* dalam sama-sama mengikuti pengajian di universiti yang sama atau berhampiran.

Bagi graduan-graduan yang memilih untuk memasuki alam pekerjaan, Yang

Berhormat berharap agar mereka ini akan tetap mempertahankan sikap (*attitude*) mereka semasa bekerja, kerana alam pekerjaan adalah berbeza daripada alam ketika belajar.

Pada tahun ini, seramai 350 orang pelajar biasiswa kerajaan ke luar negeri telah berjaya menamatkan pengajian di peringkat Diploma, Higher National Diploma (HND), Ijazah Pertama dan Lanjutan.

Daripada jumlah tersebut, seramai 115 pelajar berjaya menamatkan pengajian di peringkat Ijazah Lanjutan (*Master*), 197 orang di Peringkat Ijazah Pertama, 19 di peringkat HND dan sepuluh orang di peringkat Diploma.

Manakala, seramai sembilan orang pula berjaya menamatkan kursus dalam bidang Perubatan.

Sementara itu daripada jumlah tersebut juga, seramai 30 orang telah berjaya mendapat Ijazah Sarjana Muda Kelas Pertama (*1st Class*) daripada Universiti-universiti ternama di United

Kingdom, Australia dan Malaysia.

Di majlis tersebut, 30 graduan yang mendapat Kelas Pertama menerima sijil penghargaan yang disampaikan oleh Yang Berhormat.

Majlis tersebut antara lain adalah sebagai tanda kesyukuran, di samping memberikan penghargaan dan meraikan pelajar biasiswa kerajaan yang telah berjaya menamatkan pengajian di luar negeri dan balik ke Negara Brunei Darussalam dengan memperolehi kejayaan.

Selain itu, majlis juga dihasratkan akan dapat membantu bahagian biasiswa untuk memantau perkembangan dan status graduan-graduan yang telah menamatkan pengajian, mengeratkan hubungan silaturahim di kalangan graduan dengan bahagian biasiswa dan sebagai tanda pemedulian bahagian biasiswa terhadap kebijakan pelajar-pelajar yang di anugerahkan biasiswa kerajaan.

### DANA terima sumbangan derma

Oleh : Bolhassan Haji Abu Bakar

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 25 Ogos. - Majlis-majlis bercorak keagamaan terus diungkapkan oleh pelbagai pihak di negara ini bagi menyemarakkan lagi bulan Ramadhan *Al-Mubarak* yang penuh dengan keberkatan.

Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) telah mengadakan Majlis Khatam Al-Qur'an sempena bulan Ramadan yang juga merupakan salah satunya aktiviti tahunan YSHHB.

Atur cara majlis dimulakan dengan bacaan 30 juzuk Al-Qur'an oleh pembaca-pembaca yang terdiri daripada *mu'alim* dan para pelajar daripada Institut Tahfiz Al-Qur'an Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB) diikuti dengan Majlis Khatam Al-Qur'an dipimpin oleh *mu'alim* ITQSHHB, Awang Mohamad Hashim bin Haji Abdullah.

Acara tersebut juga disusuli dengan Majlis Ber-



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong semasa menerima sumbangan sejumlah BND10,000 bagi Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-anak Yatim (DANA) daripada wakil Syarikat Royal Brunei Catering, (RBC) Sendirian Berhad. - Foto : Mohd. Shahrizal Haji Said.

tahil yang dipimpin oleh *mu'alim* ITQSHHB, Awang Haji Sadini bin Haji Sujak dan diselajurkan dengan Majlis Berbuka Puasa.

Majlis juga diselajurkan dengan penyampaian sumbangan derma kepada Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-anak Yatim (DANA) daripada Syarikat Royal Brunei Catering (RBC), Sendiri-

an Berhad, Persatuan Bank-bank Brunei (PBBB) dan Syarikat Perniagaan Malar Setia (PMS).

Syarikat RBC Sdn. Bhd menyumbang sejumlah BND10,000 manakala PBBB menderma sejumlah BND20,000 dan sejumlah BND3,000 pula dihulurkan oleh Syarikat PMS.

Ketiga-tiga sumbangan

derma kepada DANA itu diterima oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong.

Turut hadir di majlis tersebut ialah: Ahli-ahli Jamaah Tadbir dan Lembaga Pengarah serta para pegawai dan kakitangan YSHHB dan guru-guru daripada Sekolah YSHHB.

## 'BERSEGERA MENUNAIKAN ZAKAT FITRAH'

دربیتکن اوله جباتن فراغن، جباتن قردان منtri دان ڈچیق اوله جباتن فرچیتئن کراجائ، نکارا بروني دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.